ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"DENGAN mengembalikan segala pujian kepada Allah, maka kewajipan beta dan kewajipan kita semua dihadapan-Nya dalam perkara perundangan, sudah pun kita sempurnakan. Tinggal sahaja lagi peranan masing-masing, terutama agensi-agensi yang berkaitan, hendaklah melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab, amanah dan berhemah. Ingatlah, fokus kita hanyalah kepada Allah jua, untuk mencari reda-Nya semata-mata, bukan melihat ke kiri atau ke kanan untuk mencari-cari siapa yang suka atau tidak."
- Titah Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 pada 30 Jamadilakhir 1435 Hijrah / 30 April 2014 Masihi.

ڤليتا بروني
Pelita BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian."
- Firman Allah Subahanhu Wata'ala dalam Surah Al-Isra, ayat 82.

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.34 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 13 | 30 JANUARI 2019 / 1440 جمادى الأول 24 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# Sekolah Arab tonggak pendidikan duniawi dan ukhrawi tulen

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah Sekolah Arab adalah tonggak pendidikan duniawi dan ukhrawi tulen.

Kerana itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan perlunya pengurusan dan pentadbirannya sempurna termasuk keselesaan dan kemudahan keselamatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah juga menegaskan agar keselamatan adalah sangat penting dan ia tidak boleh dikompromi.

Dalam titah Kebawah DYMM semasa berangkat ke Sekolah Menengah Arab Rimba, di sini, baginda juga menyentuh kehebatan Sekolah Arab di negara ini dan trend perpindahan ke sekolah-sekolah aliran umum yang baginda sifatkan satu penurunan.

Menurut titah baginda, dari segi pengambilan penuntut sahaja ia adalah berbeza dengan cara pengambilan di sekolah-sekolah lain yang mana di Sekolah Arab pengambilan itu adalah melalui ujian pemilihan dan hanya mereka yang berjaya dalam ujian itu sahaja yang akan diterima masuk sementara yang tidak berjaya akan mengikuti kelaziman biasa diterima masuk ke sekolah-sekolah umum tanpa sebarang ujian.

Ini sahaja pun titah baginda, telah meletakkan Sekolah Arab mempunyai kelebihan lain lagi dari segi pembelajaran.

Baginda seterusnya bertitah, Sekolah Arab mengajarkan lebih banyak subjek daripada sekolah-sekolah biasa dan juga sekaligus menawarkan dua aliran iaitu ugama dan umum yang tidak terdapat di sekolah-sekolah lain yang mana juga bererti penuntut-penuntut Sekolah Arab memiliki *advantage* dari segi pembelajaran.

**Ke muka 3**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa berangkat ke Sekolah Menengah Arab Rimba. - Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3, 4 dan 5).**

IKUTI KAMI DI
APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



Muka 7

PAMERAN Fotografi ketengahkan Sejarah Islam Australia



Muka 13

SEMAI semangat solidariti, kenegaraan pelajar

# Berkenan menghantar titah perutusan takziah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte berikutan dengan kejadian letupan bom di Jolo, Sulu.

Dalam titah perutusan takziah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berasa sedih mengetahui tentang berita kejadian letupan bom yang berlaku di Jolo, Sulu yang telah mengorbankan banyak jiwa dan juga mencederakan orang-orang awam.

Negara Brunei Darussalam mengecam sekuat-kuatnya perbuatan kekejaman ke atas orang awam di tempat-tempat beribadat.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta dengan kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan takziah dan simpati yang amat mendalam kepada Tuan Yang Terutama, kerajaan dan rakyat Republik Filipina, terutama sekali kepada keluarga-keluarga dan masyarakat yang terlibat dalam tragedi tersebut.

E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn* Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217 Faksimile : 2381004

# Tingkatkan keselamatan, keselesaan reka bentuk bangunan

**Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi**

TERLEBIH dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan dan kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam menyediakan Buku Panduan 'Different Abilities Design Guidelines' yang akan kita lancarkah pada pagi ini. Buku panduan ini adalah untuk menambah baik kualiti hidup khusus bagi warga kelainan upaya di Negara Brunei Darussalam. Penambahbaikan secara progresif ini adalah sangat penting dalam memastikan budaya yang inklusif bagi orang-orang kelainan upaya di negara ini. Ia juga menunjukkan usaha Negara Brunei Darussalam dalam merealisasikan tuntutan negara di Konvension Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah 'Rights of Persons with Disabilities' di mana Negara Brunei Darussalam telah mempersetujuinya pada 11 April 2016.

Saya telah difahamkan satu jawatankuasa 'Guidelines Review' telah ditubuhkan pada bulan Disember 2017 yang diterajui oleh ABCi, Kementerian Pembangunan, dengan kerjasama beberapa pakar daripada sektor awam, swasta, sukarelawan dan pihak yang berkepentingan bagi mendapatkan perspektif yang lebih menyeluruh untuk meneliti serta menyelaras kehendak-kehendak di bawah Perintah Kawalan Bangunan, 2014 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bangunan, 2014.

Saya sangat menyambut baik atas usaha sedemikian ini, di mana garis panduan ini disediakan dengan tujuan meningkatkan lagi keselamatan, keselesaan dan mengurangkan halangan di persekitaran, bagi memastikan orang-orang yang kelainan upaya dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan di bangunan-bangunan awam dengan mudah dan tanpa memerlukan bantuan dari orang lain.

Garis panduan ini akan menyenaraikan objektif dan keperluan bagi bangunan-bangunan awam termasuk masjid-masjid, bangunan-bangunan kerajaan, bangunan-bangunan komersial, hospital, tempat-tempat riadah dan sebagainya di Negara Brunei Darussalam. Bangunan-bangunan tersebut hendaklah direka bentuk dengan menyediakan jalan-jalan akses bagi orang-orang kelainan upaya termasuk warga emas yang mempunyai pergerakan yang terhad. Kemudahan-kemudahan bagi pengguna kerusi roda, seperti ramp hendaklah juga disediakan mengikut gradient yang telah ditetapkan. Manakala penggunaa braille dan *tactile information* di papan tanda di tempat-tempat strategik seperti tangga, punat lif dan tandas awam perlu disediakan supaya dapat membantu orang-orang yang mempunyai kekurangan penglihatan untuk berdikari di sesebuah bangunan.

Garis panduan ini juga menitikberatkan golongan warga emas untuk membangun komuniti yang lebih inklusif melalui konsep-konsep reka bentuk yang universal dan juga keperluan-keperluan yang memberi kemudahan kepada golongan-golongan yang tertentu termasuk ibu bapa yang mempunyai anak-anak kecil. Ia juga akan memastikan bangunan-bangunan yang kerap digunakan oleh keluarga-keluarga untuk disediakan dengan kemudahan seperti tandas untuk anak-anak kecil dan bilik penyusuan.

Objektif garis panduan ini adalah bertujuan untuk memberikan pencerahan yang rasional mengenai setiap keperluan. Gambar rajah yang berkaitan telah disediakan untuk mengurangkan kekeliruan mengenai keperluan-keperluan garis panduan ini. Ia juga ada menyatakan keperluan-keperluan penting bagi tujuan pembinaan, kawasan-kawasan atau tempat-tempat yang mudah di akses oleh golongan-golongan yang berkenaan.

Saya menasihatkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan perancangan dan proses reka bentuk, keperluan-keperluan yang dinyatakan di dalam garis panduan ini hendaklah diambil kira di peringkat awal perancangan setiap projek dan memastikan kesemua keperluan-keperluan menepati objektif dan peruntukan yang disediakan oleh pihak klien.

Dengan ini saya percaya segala usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan kemudahan dan penyediaan polisi secara progresif ini akan memberikan impak yang positif secara keseluruhan. Ini adalah selaras dengan visi dan misi Kementerian Pembangunan iaitu untuk memastikan penyediaan infrastruktur perumahan, bangunan dan perkhidmatan yang terbaik. Perkara ini juga selaras dengan teras 'Kehidupan yang Berkualiti' dalam mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035.

Bagi mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa 'Different Abilities Design Guidelines, 2018' atas komitmen dalam penyiapan buku panduan ini dan diucapkan terima kasih juga kepada pihak ABCi dalam menjayakan dan mengungkayahkan majlis pelancaran pada pagi ini. Dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan ini melancarkan Buku Panduan Different Abilities Design Guidelines 2018 pada hari ini, Rabu 29 Safar 1440H bersamaan 7 November 2018M.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu Alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.*



**MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Panduan 'Different Abilities Design Guidelines' pada Rabu, 29 Safar 1440 Hijrah bersamaan 7 November 2018 Masihi di Dewan Indera Pahlawan Bangunan Pusat Latihan dan Kemahiran Kerja Kementerian Pembangunan.**

## Dari Sidang Pengarang.

**30 JANUARI 2019 BERSAMAAN 1440 24 جمادى الأول**

### HAJAT MENANAM SAHAM AKHIRAT TERLAKSANA

HAJAT umat Islam di negara ini untuk sama-sama menanam saham akhirat telah dan akan terus terlaksana insyaa Allah, apabila dua buah masjid yang dibina hasil dari kutipan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid yang ditubuhkan pada tahun 2015 telah siap dibina. Dana yang ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu adalah demi melihat kebajikan rakyat dan penduduk yang berugama Islam di negara ini sentiasa diambil peduli, terutama sekali dalam perkara berhubung tempat beribadah seperti pembinaan masjid, di samping hal ehwal yang berkaitan demi kesejahteraan masjid dan para jemaahnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah, semasa keberangkatan ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1436 Hijrah / 2015 Masihi pada 11 Rejab 1436 bersamaan 30 April 2015 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam, antara lain ialah :

"Sukacita memaklumkan di sini bahawa beta telah pun memperkenankan Penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid dengan mengikut kaedah dan peraturan yang diperuntukkan mengenainya. Tabung Dana ini akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala kerana membina masjid, ia akan berlaku secara konsisten sebagai satu peluang keemasan bagi orang-orang Islam untuk bertanam saham di akhirat, saham itu sifatnya unik sehingga tidak terjangkau oleh akal, manakala Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : *"Barangsiapa membina masjid kerana Allah sekali pun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam Syurga"*.

Alhamdulillah hasrat baginda itu dan umat Islam di negara ini untuk sama-sama menanam saham untuk akhirat tercapai setelah masjid baharu iaitu Masjid Al-Rahman di Kampung Tanjung Bunut, Daerah Brunei dan Muara telah siap dibina pada bulan September tahun lalu di atas keluasan sebidang tanah wakaf dengan kos perbelanjaan sebanyak BND3.56 juta. Dan masjid kedua dibina menggunakan peruntukan dari tabung dana tersebut di Kampung Bukit Panggal Daerah Tutong, sedikit masa lagi akan dapat digunakan sepenuhnya setelah Majlis Menyertu Bangunan Baharu Masjid itu telah diadakan baru-baru ini. Masjid yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan itu dianggarkan menelan belanja BND3 juta.

Penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid sebagaimana yang dihasratkan antara lain bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai di negara ini, khasnya umat Islam untuk sama-sama bertanam saham serta dapat turut menikmati manfaat akhirat yang sangat-sangat dihajati. Hasil kutipan melalui tabung tersebut akan digunakan untuk membina masjid yang baharu, membaik pulih dan menambah bangunan masjid dan keperluannya.

Walaupun negara kita tidak terkecuali dengan negara-negara maju di dunia yang menghadapi pelbagai cabaran global, tetapi alhamdulillah kita dapat melihat ugama Islam di Negara Brunei Darussalam terus berkembang dengan pesat sejajar dalam peredaran masa dan zaman. Ini adalah berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri yang mementingkan ajaran, pendidikan dan amalan ugama Islam dalam pemerintahan baginda.

Apa yang penting di sini, kita selaku umat Islam di negara wajar terus menerus memastikan masjid-masjid yang dibina di negara ini dalam keadaan bersih dan suci dan sentiasa mengimarahkannya dengan pelbagai aktiviti-aktiviti keagamaan, di samping meningkatkan dan mengembangkan lagi syiar Islam. Kerana peranan masjid bukan setakat tempat beribadat semata-mata seperti mengerjakan Sembahyang Fardu Lima Waktu, Sembahyang Fardu Jumaat dan Sembahyang Sunat Hari Raya, tetapi lebih daripada itu seperti tempat sebagai pusat atau tempat pendidikan dan pengajaran.

Masjid juga adalah rumah Allah, di mana kita selaku umat Islam perlu mengimarahkannya sebagai salah satu tanda keimanan kepada Allah dan hari akhirat, di samping mengisi masjid dengan ibadah-ibadah yang bermanfaat bagi diri sendiri dan juga masyarakat seperti sembahyang berjemaah, mengadakan majlis ilmu dan tazkirah. Mengimarahkan atau memakmurkan masjid termasuk mengusahakan apa sahaja perkara yang boleh menjadikan masjid selesa untuk didatangi dan digunakan adalah penting, sehingga pada akhirnya masjid merupakan tempat yang disukai untuk dikunjungi oleh umat Islam adalah usaha yang sangat baik untuk memberi imej kepada negara.

Dengan yang demikian, kita selaku rakyat dan penduduk di mana masjid-masjid telah dibina supaya sama-sama menjaga dan menghargainya, di samping menaikkan imej dan nama negara sebagai 'Negara Zikir'. Semoga dengan masjid-masjid yang dibina melalui dana tersebut, akan menjadi satu landasan kepada pembangunan ummah yang unggul, dan kita selaku umat Islam perlu sama-sama memainkan peranan penting meningkatkan kecemerlangan institusi masjid bagi kehidupan umat Islam. Aamiin!!! **- Ketua Penyuntingan (Zs).**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi JANUARI | HARI | Hijrah JAMADILAWAL | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30 | RABU | 24 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.34 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |
| 31 | KHAMIS | 25 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |
| 1 FEBRUARI | JUMAAT | 26 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |
| 2 | SABTU | 27 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |
| 3 | AHAD | 28 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.43 |
| 4 | ISNIN | 29 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.43 |
| 5 | SELASA | 30 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998
(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123
NDMC 2380214

# Sekolah Arab tonggak pendidikan duniawi dan ukhrawi tulen



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Sesi Muzakarah bersama guru-guru Sekolah Menengah Arab Rimba.

Dari muka 1

"Beta melihat hakikat ini mungkin kurang disedari oleh banyak pihak selain oleh ibu bapa termasuk juga pihak berkenaan yang mentadbirkan persekolahan Arab. Apabila berlaku galakan atau tawaran untuk penuntut-penuntut Sekolah Arab berpindah ke sekolah aliran umum secara peribadi beta sangat hairan dengan trend ini dan malah beta mensifatkan perpindahan ke sekolah umum itu adalah turun di bawah bukan untuk meningkat naik ke atas."

"Setakat ini beta belum melihat satu kajian mendalam dibuat tentang trend menggalakkan dan menawarkan perpindahan itu. Apa baik dan apa buruknya? Atau apa untung dan ruginya? Selain yang beta nampak ialah trend ini seakan-akan sudah jadi rutin tahunan," titah baginda lagi.

Dalam titah baginda juga menzahirkan keprihatinan terhadap keadaan surau di sekolah berkenaan.

Bersabit itu baginda telah menitahkan supaya sebuah bangunan surau yang benar-benar dapat memberi imej ianya adalah surau bukan yang disusup-susupkan sekadar menamakan surau tetapi betul-betul sebuah bangunan surau dalam kawasan sekolah walaupun saisnya kecil sahaja.

Menyentuh mengenai aspek pembinaan bangunan baginda bertitah mengingatkan kepada pihak-pihak berkenaan supaya membuat kajian terlebih dahulu dengan mengambil kira kualiti dan keselamatan pengguna.

Mengenai bangunan baginda bertitah, ada dua kuasa yang berkenaan iaitu satu kuasa yang membangun dan menyiapkan bangunan yang dipegang oleh Kementerian Pembangunan dan dua, kuasa pemilik atau bakal penerima bangunan setelah bangunan itu siap dibangun.

Titah baginda, Kementerian Pembangunan memang mahu supaya sesebuah bangunan itu cepat-cepat siap dan diserahkan kepada siapa yang empunya bangunan tetapi masih terpulang juga kepada siapa yang empunya bangunan sama ada mahu menerima atau pun belum kerana mereka masih ada hak untuk meneliti keadaan bangunan sama ada sudah boleh diterima ataupun belum.

Baginda seterusnya bertitah mengingatkan kepada pihak-pihak berkenaan supaya lain kali janganlah membuat kerja tanpa cukup kajian.

Baginda bertitah melahirkan keyakinan bahawa kerana lemahnya faktor pengawasan inilah menjadi sebab makanya terdapat kepincangan atau kekurangan pada sesebuah bangunan kerajaan seperti masjid, sekolah dan lain-lain.

# Kebawah DYMM berkenan bercemar duli tinjau dua buah sekolah





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berinteraksi bersama seorang pelajar Sekolah Menengah Arab Rimba (atas kiri). Sementara gambar atas dengan diiringi oleh Pengetua sekolah tersebut, Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd. Tahir, baginda berkenan meninjau pembelajaran yang diajarkan kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Januari. - Pendidikan ugama di negara ini terus mendapat perhatian dan keprihatinan yang berterusan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sikap pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu jelas terbukti dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Sekolah Menengah Arab Rimba, di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Guru Kanan Aktiviti II, Awang Haji Azulhanita bin Awang Haji Tarip.

Kebawah DYMM mula-mula berkenan berangkat meninjau Dewan Serbaguna sekolah tersebut.

Dewan Serbaguna tersebut pada masa ini digunakan sebagai surau sementara bagi para pelajar menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur secara bergilir-gilir iaitu dimulakan dengan pelajar Tahun 5 hingga Tahun 8 dan kemudian pelajar Tahun 9 hingga Tahun 11.

Semasa keberangkatan tersebut, baginda juga berkenan beramah mesra bersama para pelajar dan seterusnya meninjau kebersihan kantin sekolah berkenaan.

Juga menjadi perhatian semasa keberangkatan baginda ialah pemasangan pagar-pagar di sekolah berkenaan yang mana menurut baginda adalah tidak sesuai dan tidak selamat mengikut piawaian keselamatan bangunan.

Baginda kemudian berkenan melawat ke kelas-kelas Tahun 6 yang terletak di Tingkat 4 sekolah tersebut dan seterusnya baginda berkenan mengadakan Sesi Muzakarah bersama guru-guru sekolah.

Di akhir Sesi Muzakarah tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran, Haji Norhisyam bin Haji Md. Noor.

Ke muka 4

Pelita BRUNEI





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Sekolah Menengah Arab Rimba (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada para pelajar Sekolah Menengah Arab Rimba.**

**Dari muka 3**

Sebelum berangkat meninggalkan Sekolah Menengah Arab Rimba, Doa Selamat sekali lagi dibacakan oleh pelajar Tahun 11, Awang Ahmad Nasyaruddin bin Abdul Rahim. Sekolah yang baharu digunakan itu, memulakan sesi persekolahan pada 2 Januari 2019 dengan keramaian hampir 1,700 pelajar dan ditadbir oleh seorang Pengetua, Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd. Tahir dengan keramaian 152 tenaga pengajar dan 16 kakitangan.

Antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah itu ialah bilik-bilik darjah, makmal sains dan bahasa, dewan kuliah, dewan serbaguna, bilik pentadbiran dan bilik guru-guru, perpustakaan, asrama, surau, kantin dan *grandstand* padang.

Sekolah yang memulakan sesi pembelajaran bermula dari jam 7.30 pagi hingga 3.30 petang itu, menempatkan semua pelajar lelaki sahaja dari Tahun 5 hingga Tahun 11 dengan menggunakan 72 buah bilik darjah dan telah menerima kemasukan seramai 293 pelajar lelaki Tahun 5 pada tahun ini.

Pada tahun 2018, seramai 101 pelajar dari Tahun 11 telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) yang mana dari jumlah tersebut, 77 calon telah memperolehi agregat 4 hingga 8 iaitu sebanyak 76.2 peratus; seorang calon memperolehi agregat 3 (0.99 peratus), 14 calon mendapat agregat 1-2 iaitu sebanyak 13.86 peratus. Secara keseluruhan 77.23 peratus calon telah lulus dalam peperiksaan SPUB tersebut. Manakala bagi Tahun 6, seramai 332 orang calon telah menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang mana dari jumlah tersebut 69 calon telah memperolehi 5A. Secara keseluruhan sekolah berkenaan telah memperolehi 98.12 peratus lulus dalam peperiksaan PSR tersebut.

Pembinaan Sekolah Menengah Arab Rimba itu, merupakan projek besar Kerajaan Kebawah DYMM di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 kendalian Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan menelan belanja lebih BND48 juta dan dibina di atas tapak tanah seluas 20 hektar dengan prasarana yang lengkap bagi memenuhi keperluan pelajaran dan pembelajaran.

**Ke muka 5**



**KEBAWAH DYMM ketika berkenan bercemar duli ke kantin Sekolah Menengah Arab Rimba (kiri). Sementara gambar bawah kiri, baginda berkenan diberikan sembah penerangan daripada salah seorang tenaga pengajar Sekolah Menengah Arab Rimba. Manakala gambar bawah kanan, sebelum berangkat meninggalkan Sekolah Menengah Arab Rimba, Doa Selamat dibacakan oleh pelajar Tahun 11, Awang Ahmad Nasyaruddin bin Abdul Rahim.**







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke tapak Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil baharu yang sedang dalam pembinaan (atas, atas kanan dan bawah kiri).







**Dari muka 4**

Keberangkatan baginda ke Sekolah Arab itu, setentunya mencerminkan keprihatinan baginda yang sangat mendalam terhadap Sekolah Arab yang baginda sifatkan sebagai yang terhebat kerana kedudukannya yang tersendiri.

Baginda kemudian meneruskan keberangkatan lawatan ke tapak Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil baharu yang sedang dalam pembinaan.

Sekolah Ugama yang baharu itu akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti bilik darjah, bilik guru, surau / dewan serbaguna, tempat berwudhu, kantin, perpustakaan, bilik guru besar, penolong guru besar dan kerani, bilik VIP, bilik mesyuarat, tandas, pentas dan bilik persalinan lelaki dan perempuan, bilik pembersih, stor buku dan stor barang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra dengan para pelajar Sekolah Menengah Arab Rimba (atas). Sementara gambar bawah kiri, Kebawah DYMM berkenan bergambar ramai bersama tenaga pengajar sekolah tersebut. Manakala gambar bawah kanan, baginda ketika berangkat meninjau Sekolah Menengah Arab Rimba.



# Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, PYT Dayang Hajah Masurai binti Haji Masri; Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat, PYT Dayang Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan Northern Ireland, PYT Pengiran Hajah Rooslina Weti binti Pengiran Haji Kamaluddin dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Demokratik Republik Timor-Leste, Pengiran Salina binti Pengiran Haji Alli.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Ketua-Ketua Perwakilan Negara dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Masurai binti Haji Masri; Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat yang baru dilantik iaitu Puan Yang Terutama Dayang Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan Northern Ireland, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Rooslina Weti binti Pengiran Haji Kamaluddin dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Demokratik Republik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar, iaitu Pengiran Salina binti Pengiran Haji Alli.

# MKM sumbangkan baju-T untuk acara amal PJSC




MAJLIS penyerahan baju-T disempurnakan oleh Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat Brunei (MKM), Awang Yusof Halim kepada Pengarah Perubatan PJSC selaku Pengarah Pusat Kanser Brunei (TBCC), Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran.

Siaran Akhbar dan Foto :
Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC)

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa 29 Januari. - Acara Amal Berjalan Kaki, Berlari dan Berbasikal sempena dengan Hari Kanser Sedunia 2019 akan diadakan pada Ahad, 3 Februari 2019.

Sehubungan itu, satu majlis penyerahan lebih 50 baju-T kepada Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialis Center - PJSC) telah diadakan bagi para 'survivor' kanser yang akan menyertai acara amal itu nanti.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat Brunei (MKM), Awang Yusof Halim kepada Pengarah Perubatan PJSC selaku Pengarah Pusat Kanser Brunei (TBCC), Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran yang disaksikan oleh Ketua Unit Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser PJSC, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee dan Naib Yang Di-Pertua Majlis Kebajikan Masyarakat Brunei, Dayang Hajah Juhana binti Haji Md. Jaya.

Acara amal yang akan diadakan semasa 'Bandarku Ceria' di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan bermula jam 6.00 pagi itu dianjurkan oleh Majlis Kesejahteraan Masyarakat Brunei; PJSC; Pusat Kanser Brunei; Pusat Promosi Kesihatan; Kementerian Kesihatan dan MK Fashion dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kanser, tentang pengesanan dan pencegahan kanser serta mendidik orang ramai terhadap gaya hidup yang sihat.

Dalam siaran akhbar PJSC, Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran berterima kasih kepada Majlis Kesejahteraan Masyarakat Brunei atas tajaan baju-T bagi pesakit Pusat Kanser Brunei yang akan mengambil bahagian dalam walkaton sejauh 1.5 kilometer itu nanti.

Siaran akhbar itu juga menyatakan bahawa setiap individu dan masyarakat di seluruh dunia setiap tahun menunjukkan sokongan dan meningkatkan suara kolektif mereka tentang membuat tindakan peribadi dan meningkatkan kesedaran kanser melalui pelbagai kempen kesedaran kanser, termasuk pendidikan awam tentang cara untuk mencegah kanser melalui pengesanan awal, pemeriksaan kesihatan, pemakanan sihat, aktiviti fizikal secara aktif dan berhenti merokok.

Kempen Hari Kanser Sedunia tahun ini bertajuk; 'I Am and I Will'.

Untuk bantuan atau mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai acara tersebut boleh menghubungi Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) di *enquiries@pjscbrunei.com* atau hubungi terus di talian +673 261 3333.

# Jerayawara TAP barigakan kepentingan perancangan persaraan

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 29 Januari. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) dengan kerjasama Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Persatuan Perancang Kewangan Brunei Darussalam (FPAB) dalam usaha berterusan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perancangan persaraan telah mengadakan Jerayawara "10 Years Towards Retirement" bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive.

Jerayawara ini merupakan inisiatif berterusan TAP melalui Unit Perkhidmatan Perancangan Persaraan yang disasarkan bagi ahli-ahli TAP yang akan bersara di dalam tempoh 10 ke 15 tahun yang akan datang.

Antara lain maklumat yang dikongsikan oleh TAP adalah termasuk faktor utama di dalam membuat perancangan persaraan seperti matlamat pendapatan persaraan dengan mengambil kira impak inflasi, jangka hayat, simpanan TAP dan SCP serta keputusan dan tindakan yang perlu diambil pada masa kini untuk memastikan kemampanan dan kesejahteraan semasa bersara.

Turut diterangkan semasa acara berkenaan adalah manfaat membuat caruman secara sukarela yang membolehkan ahli meningkatkan simpanan persaraan mereka dengan menyimpan lebih daripada kadar mandatori yang ditetapkan ke dalam akaun TAP dan akaun SCP mereka.

Ahli-ahli boleh mencarum secara sukarela dengan menggunakan perkhidmatan online e-Amanah TAP melalui laman sesawang TAP di *www.tap.com.bn* di mana pada sesi tersebut TAP juga telah membantu peserta menggunakan perkhidmatan online berkenaan.

Turut dikongikan ialah kemudahan aplikasi mudah alih 'TAP_Brunei' yang membolehkan ahli untuk membuat anggaran perkiraan simpanan persaraan mereka.

Jerayawara diteruskan dengan taklimat daripada FPAB yang menerangkan mengenai perancangan kewangan seperti amalan menabung, mengawal perbelanjaan, perlindungan kewangan dan pelaburan serta perkhidmatan konsultasi penilaian kesihatan kewangan dari Perancang Kewangan yang diiktiraf.

Perkhidmatan penyediaan Laporan Kredit juga telah disediakan oleh Unit Biro Kredit AMBD serta pembarigaan bagi menghindari skim-skim cepat kaya pula diberikan oleh Unit Isu Pengguna Kewangan AMBD.

Jerayawara yang serupa akan diteruskan lagi kepada ahli-ahli TAP akan bersara dalam tempoh 10 ke 15 tahun akan datang.

Ahli-ahli TAP yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai dengan jerayawara tersebut ataupun mengenai perkhidmatan online e-Amanah TAP bolehlah menghubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian +673 2382800 semasa waktu bekerja ataupun melalui e-mel *ask@tap.com.bn*.

# Pameran Fotografi ketengahkan Sejarah Islam Australia





MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (tengah) dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum (kiri) semasa melancarkan Pameran Fotografi di Kompleks Membeli-Belah Mabohai (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyaksikan pameran berkenaan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 28 Januari. - Warisan sejarah Islam Australia diketengahkan melalui Pameran Fotografi yang sedang berlangsung di Kompleks Membeli-Belah Mabohai.

Pameran yang bertajuk 'Boundless Plains : The Australian Muslim Connection' dilancarkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum.

Sempena pameran tersebut, para perwakilan dari Muzium Islam Australia (IMA) juga berada di negara ini untuk menjalin kerjasama dua hala.

Juga hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pada majlis pelancaran tersebut, Puan Yang Terutama dalam ucapannya antara lain berasa berbesar hati kerana pihaknya mampu berkolaborasi bersama IMA untuk membawakan pameran tersebut ke negara ini.

Tambahnya, salah satu kekuatan masyarakat Australia ialah mempunyai pelbagai budaya dan ugama yang mana pada hari ini, Australia mempunyai lebih 600,000 Muslim dari lebih 120 buah negara di seluruh dunia.

Dengan adanya pameran tersebut, ia diharap akan dapat mengembangluaskan lagi informasi mengenai sejarah Islam di Australia kepada masyarakat di negara ini.

Pameran dibukakan kepada orang ramai sehingga 3 Februari depan.



JUGA hadir menyaksikan pameran, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

# Rumuskan strategi peningkatan kerjasama ASEANAPOL



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam semasa berucap di majlis tersebut.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 29 Januari. - Rangkaian Sains Forensik ASEANAPOL (AFSN) digesa untuk merumuskan satu strategi yang dapat meningkatkan kerjasama Pengenalpastian Mangsa Bencana (Disaster Victim Identification) antara negara-negara anggota ASEANAPOL sama ada dalam insiden sebenar atau latihan.

Gesaan dibuat oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam ketika berucap semasa Majlis Pembukaan Mesyuarat Tahunan Rangkaian Sains Forensik ASEANAPOL Ke-3, berlangsung di Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

Menurut Dato Paduka, Prosedur Operasi Standard yang dipersetujui bersama dapat memudahkan strategi komprehensif ke arah penyiasatan yang berjaya sama ada di dalam atau tanpa sempadan negara.

"Dengan akses mudah bagi antarabangsa, jenayah tidak berhenti di sempadan negara. Kadangkala kita memerlukan bukti forensik dari negara lain untuk melengkapkan penyiasatan. Oleh itu untuk memastikan bukti boleh diterima di negara lain, adalah penting bahawa pengurusan bukti yang betul dijalankan dari awal, iaitu dari tempat kejadian itu sendiri. Prosedur penyiasatan kejadian jenayah di kalangan negara ahli ASEANAPOL akan menjadi ideal, walaupun terdapat perbezaan dalam kapasiti dan keupayaan. Walau bagaimanapun, usaha untuk menyelaraskan prosedur akan mencukupi kerjasama serantau dalam bidang ini," ujarnya.

Dato Paduka seterusnya berkata, kerjasama serantau dan antarabangsa yang berkesan, terutamanya dalam bidang forensik hanya dapat dicapai melalui hasrat sama untuk memperbaiki perkhidmatan dan keazaman menangani dan menyelesaikan kes jenayah.

AFSN masih pada peringkat awal, tetapi Dato Paduka yakin melalui komitmen dan sumbangan aktif dari semua ahli, AFSN akan merealisasikan dan mencapai matlamat utamanya untuk memperkuat keupayaan forensik dan kerjasama di rantau ini dan akhirnya memainkan peranan penting di peringkat antarabangsa.

Katanya lagi, AFSN juga harus meneroka kemungkinan kerjasama antara institusi serantau dan antarabangsa untuk meningkatkan atau menaiktaraf keupayaan yang sedia ada dan untuk mencapai potensi penuh dalam sains forensik.

Terdahulu Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy menjelaskan, AFSN memfokuskan kepada dua bidang utama Sains Forensik, iaitu Pengenalan Mangsa Bencana (Disaster Victim Identification) dan Siasatan Jenayah (Crimes Scene Investigation).

Di kebanyakan negara lain tambahnya, polis tempatan akan memainkan peranan utama dalam DVI dengan melibatkan agensi-agensi antarabangsa yang masuk ke negara yang terjejas, di mana terdapat kapasiti dan keupayaan yang terhad dan dikawal oleh satu set piawaian antarabangsa.

Menurut Dato Paduka lagi, adalah penting untuk mengamalkan prosedur operasi standard untuk memastikan semua yang terlibat dapat bekerjasama dengan baik serta berjaya dan di sinilah AFSN boleh menyediakan negara-negara anggota ASEANAPOL ke arah sistem seragam yang akan berkesan, apabila adanya keperluan untuk menghantar bantuan kepada negara-negara ASEANAPOL yang terjejas yang mana salah satu cara melalui perjanjian ASEANAPOL Komunikasi dan Koordinasi untuk Pengurusan Krisis (ACCPCM) yang ditandatangani semasa persidangan ASEANAPOL Ke-36 di Kuala Lumpur.

Mesyuarat Tahunan Rangkaian Sains Forensik ASEANAPOL Ke-3 ini akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 31 Januari nanti dengan tema 'Forensik Menerusi Inovasi Teknologi'.

Mesyuarat melibatkan lebih 20 ahli delegasi anggota ASEANAPOL bagi merapatkan sebarang jurang melalui perkongsian, perundingan, sokongan, perjanjian dan sebagainya.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Penolong Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid.



PESURUHJAYA Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy (kiri) hadir selaku tetamu kehormat.

Pelita BRUNEI

# Tinjau pencapaian pertanian di Daerah Belait

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, menerangkan kawasan-kawasan yang diperuntukkan bagi kawasan komersial pertanian di Daerah Belait kepada rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

**LABI, KUALA BELAIT,** Selasa, 29 Januari. - Empat tapak perusahaan pertanian di Daerah Belait menjadi lokasi tumpuan siri lawatan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini sebagai lanjutan dari siri lawatan yang kedua, pada Sabtu, 26 Januari 2019 yang lalu.

Lawatan yang disertai oleh seramai 12 Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN ini merupakan sebahagian dari beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bagi mengongsikan serta membarigakan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian di negara ini.

Selain daripada itu, program lawatan kerja ini juga diaturkan bagi memberikan pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN mengenai dengan teknik serta sistem perladangan moden dan teknologi-teknologi terkini yang digunapakai oleh pengusaha-pengusaha dalam meningkatkan keluaran dan produktiviti ladang perusahaan masing-masing; penglibatan anak-anak tempatan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (*joint-venture*) dengan pengusaha-pengusaha asing dan juga peluang-peluang pekerjaan yang mampu disediakan untuk anak-anak tempatan.

Turut menyertai rombongan lawatan tersebut bagi pihak KSSUP ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Md. Ishak, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Rombongan mula-mula melawat ke Syarikat Pertanian Tropikal Utama milik Yong Khian Fook dengan perusahaan tanaman kopi dan buah-buahan yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Rampayoh, Mukim Labi.

Syarikat adalah milik anak tempatan dengan keluasan tapak seluas 19 hektar, iaitu 10 hektar dikhususkan bagi tanaman kopi dan telahpun bergiat dalam perusahaan yang dijalankan bermula pada tahun 1995. Pada masa ini, syarikat tersebut mempunyai lima orang pekerja dengan pengeluaran ladang sebanyak 16.07 tan metrik pada tahun 2017 dan 6.44 tan metrik pada tahun 2018.

Lawatan diteruskan ke Norajijah Plantation Sdn. Bhd., bertempat di KKP Merangking, iaitu sebuah syarikat usahasama di antara pengusaha tempatan dengan pelabur asing dari Malaysia yang menjalankan perusahaan tanaman buah-buahan bermusim dan tidak bermusim di atas tapak berkeluasan 20 hektar.

Syarikat ini telah menjalankan perusahaan sejak tahun 2017 dan kini mempunyai seramai enam pekerja asing. Hasil pengeluaran syarikat pada tahun 2018 adalah 1.70 tan metrik (buah-buahan, sayur-sayuran dan pelbagai tanaman).

Sebuah lagi syarikat tempatan yang dilawati ialah ladang Asia Enterprise (AE), milik Chai Yum Fatt di KKP Merangking yang berkeluasan 40 hektar (Site A 20 hektar dan Site B1 20 hektar).

Syarikat adalah di bawah Projek Rintis dan telah memulakan operasi pada Januari 2017 dengan jenis perusahaan tanaman buah-buahan menggunakan kaedah penanaman secara teres.

Ketika ini syarikat tersebut mempunyai seramai 14 orang pekerja, terdiri dari enam anak tempatan dan lapan pekerja asing. Pada tahun 2017, pengeluaran ladang adalah 1.73 tan metrik dan 3.83 tan metrik pada tahun 2018.

Rombongan juga melawat ke Tapak Projek Bagi Penanaman Padi Secara Komersial di Kawasan Kandol.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi projek pembukaan kawasan baharu ini dengan keluasan 500 hektar, yang mana akan dilengkapi dengan infrastruktur - infrastruktur bersesuaian.

Inisiatif ini adalah merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah meningkatkan keluaran dan tahap sara diri bekalan beras di Negara Brunei Darussalam, dalam memastikan sekuriti makanan bekalan beras negara adalah terjamin.

Dengan menggunakan varieti padi berhasil tinggi seperti Titih yang berupaya mengeluarkan hasil minima lapan tan metrik per hektar per musim, jangkaan hasil setahun bagi kawasan Kandol adalah dalam sekitar 8,000 tan metrik padi (4,800 tan metrik beras) setahun, iaitu penambahan sebanyak 15 peratus sara diri. Ini akan menjadikan peratus sara diri bekalan beras meningkat kepada 35 peratus secara menyeluruh pada tahun 2025.

Program lawatan Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN diakhiri dengan sesi maklum balas yang telah diadakan di Pusat Biodiversiti Tropika bagi mendengar sebarang cadangan dan saranan dari Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN ke arah mengembangmajukan lagi sektor pertanian dan perikanan di negara ini.

Program lawatan bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN akan diteruskan lagi dengan siri lawatan yang terakhir ke Tapak-Tapak Perusahaan Perikanan, Pertanian dan Perhutanan di Daerah Tutong dan Belait pada Khamis, 31 Januari 2019.





MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara membuat lawatan ke Syarikat Asia Enterprise (AE) Sdn Bhd yang membuat jenis Perusahaan Tanaman buah-buahan menggunakan kaedah penanaman secara teres (atas), dan semasa membuat lawatan ke Perusahaan Tanaman Kopi dan Buah-Buahan di Syarikat Pertanian Tropikal Utama (bawah).

KAJI SELIDIK
PEMBACAAN
PELITA BRUNEI
IMBAS KOD QR
UNTUK MENYERTAI
KAJI SELIDIK

## Keputusan cemerlang Peperiksaan G.C.E. 'O' Level dan IGCSE meningkat

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 29 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'O' Level dan Peperiksaan IGCSE Oktober/November Tahun 2018.

Dari seramai 6,321 calon yang menduduki peperiksaan peringkat 'O' termasuk peperiksaan IGCSE, seramai 1,162 atau 18.38 peratus telah memperolehi 8 hingga 11 'O' Level, meningkat sebanyak 0.79 peratus dan seramai 2,491 calon atau 39.41 peratus memperolehi 5 hingga 11 'O' Level dengan peningkatan sebanyak 2.17 peratus.

Manakala calon yang memperolehi sekurang-kurangnya 4 'O' Level ke atas ialah seramai 2,998 atau 47.43 peratus menunjukkan peningkatan sebanyak 2.50 peratus berbanding dengan pencapaian calon tahun 2017.

Daripada seramai 6,124 calon sekolah, 2,490 atau 40.66 peratus calon telah memperolehi sekurang-kurangnya 5 'O' Level dengan peningkatan sebanyak 2.11 peratus daripada pencapaian tahun sebelumnya. Ini merupakan pencapaian yang tertinggi setakat ini. Manakala, seramai 2,996 atau 48.92 peratus calon telah memperolehi sekurang-kurangnya 4 'O' Level yang mana pencapaian ini meningkat sebanyak 2.42 peratus daripada tahun 2017.

Seramai 269 calon sekolah (4.39 peratus) mendapat Gred A dalam 5 hingga 11 mata pelajaran. Seramai 19 calon (0.30 peratus) menunjukkan keputusan cemerlang dengan pencapaian agregat 6, Gred A* dalam 6 hingga 8 mata pelajaran. Pencapaian ini meningkat sebanyak 0.02 peratus daripada tahun 2017. Di samping itu, seramai 12 calon (0.20 peratus) mendapat Gred A dalam 9 mata pelajaran yang terdiri dari empat calon daripada calon sekolah kerajaan. Sementara, 23 calon (0.38 peratus) mendapat Gred A dalam 8 mata pelajaran yang terdiri dari tujuh calon dari sekolah kerajaan. Seramai 56 calon (0.91 peratus) beroleh Gred A dalam 7 mata pelajaran, 85 calon (1.39 peratus) mendapat Gred A dalam 6 mata pelajaran dan 92 calon (1.50 peratus) mendapat Gred A dalam 5 mata pelajaran.

Bagi calon sekolah kerajaan, seramai 859 atau 16.09 peratus memperolehi 8 hingga 11 'O' Level, iaitu peningkatan sebanyak 0.44 peratus berbanding pencapaian pada tahun lalu. Daripada 2,491 calon nasional, seramai 1,959 (78.64 peratus) adalah dari kalangan calon-calon sekolah kerajaan yang mendapat sekurang-kurangnya 5 'O' Level. Pencapaian ini meningkat sebanyak 2.03 peratus berbanding pada tahun 2017.

Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (B) telah mengekalkan prestasi pencapaian 100 peratus lulus seperti tahun 2017 dalam memperolehi sekurang-kurangnya 5 'O' Level. Sementara sebuah sekolah telah mencapai 97.75 peratus dan dua buah sekolah lagi mencapai 83.72 peratus dan 80 peratus dalam memperolehi sekurang-kurangnya 5 'O' Level. Sebanyak 31 daripada 49 buah sekolah yang terdiri dari 23 buah sekolah kerajaan dan lapan buah sekolah swasta telah menunjukkan peningkatan di antara 0.71 peratus hingga 32.94 peratus daripada pencapaian tahun 2017.

Seperti tahun sebelumnya, bermula tahun 2011, pada tahun 2018 ini juga terdapat seramai 528 calon adalah kalangan pelajar yang mengikuti Program Pendidikan Menengah General 4 Tahun (Tahun 10) dalam SPN21, iaitu yang mengikuti dua tahun menengah bawah dan dua tahun menengah atas. Daripada jumlah ini, seramai 429 atau 81.25 peratus adalah calon dari sekolah kerajaan. Jumlah calon Sekolah Menengah Kerajaan yang memperolehi 8 hingga 11 'O' Level adalah 286 calon atau 66.67 peratus. Manakala seramai 400 calon Sekolah Menengah Kerajaan atau 93.24 peratus memperolehi 5 hingga 11 'O' Level dan seramai 413 calon atau 96.27 peratus telah berjaya memperolehi sekurang-kurangnya 4 'O' Level ke atas.

Ke muka 18

# Doa Kesyukuran sempena 26 tahun penubuhan TAP

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**TUNGKU**, Isnin, 28 Januari. - Sempena Ulang Tahun Penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) Ke-26 Tahun, TAP menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malek, Kampung Tungku, Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah TAP.

Turut hadir Ahli-ahli Lembaga TAP, Ahli-ahli Panel Pelaburan, Jawatankuasa Polisi Sumber Tenaga Manusia, Jawatankuasa Audit dan pegawai serta kakitangan TAP.

Majlis dimulakan dengan Khatam Al-Quran diikuti dengan Sembahyang Maghrib dan Sunat Hajat Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian wakaf untuk masjid berkenaan hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan TAP.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja (TAP) (tiga, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malek, Kampung Tungku, Katok.



SEBAHAGIAN warga TAP yang ikut serta dalam Majlis Khatam Al-Quran tersebut (kanan).

# 104 graduan terpilih jadi Guru Tempatan Berkontrak

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**BERAKAS,** Isnin, 28 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Projek Recruitment and Management of Specialised Teachers and Head of Specialised of English Language and Mathematics mengadakan Majlis Pelancaran Sesi Program Induksi Graduan Tempatan Menjadi Guru Tempatan Berkontrak sebagai Guru Bahasa Inggeris dan Matematik pengambilan kohort kedua.

Majlis yang berlangsung di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan itu dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis yang kemudiannya merasmikan majlis pelancaran program berkenan.

Menurut Awang Aliuddin dalam ucapan perasmiannya menyatakan, di peringkat dasar, Kementerian Pendidikan telah dan sedang giat mengungkayahkan beberapa inisiatif ke arah memantapkan lagi kecemerlangan dan kebajikan guru di negara ini di mana salah satu di antaranya ialah melalui Program Pengambilan Guru Tempatan Berkontrak (Local Contract Teacher - LCT).



SEBAHAGIAN graduan tempatan yang terpilih menjadi Guru-Guru Tempatan Berkontrak.

Tambahnya, ini merupakan rancangan jangka panjang Kementerian Pendidikan untuk mengambil lebih ramai lagi tenaga pengajar tempatan yang berkualiti dan *fit for the job.*

Selain itu, usaha kementerian juga adalah bagi sama-sama menyokong Key Performance Indicator (KPI) Kementerian, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022 sekali gus mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai generasi yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kukuh ugama lagi berakhlak mulia.

Bertepatan dengan tema program iaitu 'Quality Teacher, Quality Education' terangnya, proses pemilihan dalam projek pengambilan guru tempatan berkontrak ini mencerminkan kesepakatan dan komitmen Kementerian dari pelbagai jabatan termasuk pemimpin-pemimpin sekolah terhadap hasrat dan aspirasi kementerian untuk meningkatkan lagi kualiti pengambilan guru.

Timbalan Setiausaha Tetap dalam ucapannya juga turut menasihatkan kepada semua para guru tempatan berkontrak (LCT) untuk mengambil dan menggunakan peluang yang ada untuk sentiasa bersikap berfikiran postif, proaktif, *willingness to learn* dan mendukung hasrat Kementerian Pendidikan agar sentiasa meningkatkan kapasiti diri sendiri secara *life-long learning,* melalui sokongan dan bantuan secara berterusan dan mengikuti program-program perkembangan profesional yang dikendalikan oleh pihak LNCP, Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA) dan jabatan-jabatan yang berkenaan di Kementerian Pendidikan.

"Saya berharap agar para LCT memainkan peranan sebagai *catalyst for school improvement* dan sebagai fasilitator dalam bilik darjah dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran termasuklah Teaching for Mastery (TfM) Framework dan mendukung apa-apa jua inisiatif-inisiatif yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan pihak sekolah," ujarnya.

Beliau juga turut menggalakkan pihak LNCP di bawah kerjasama yang ada dengan jabatan-jabatan, ketua-ketua kluster, pemimpin-pemimpin sekolah dan pihak SHBIE untuk mengadakan LCT, *learning community group* dengan mengumpulkan semua para guru tempatan berkontrak berserta pembimbing tempatan mereka dengan objektif antara lain untuk mengimbas kemajuan (Review Progress), menggalakkan Peer Review bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sekali gus meningkatkan profesionalisme sebagai seorang pendidik kerana guru merupakan *role model* kepada pelajar, ibu bapa malahan kepada masyarakat sekeliling.

Pada tahun ini, seramai 104 orang graduan tempatan terpilih untuk jawatan Guru Tempatan Berkontrak bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik bagi pengambilan kohort kedua menghadiri Program Induksi yang akan berlangsung selama lima hari bermula hari ini sehingga 28 Januari 2019.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap Majlis Pelancaran Sesi Program Induksi Graduan Tempatan Menjadi Guru Tempatan Berkontrak.

Taklimat juga diadakan bagi menerangkan peri pentingnya guru-guru baharu ini sentiasa mematuhi etika kerja sebagai seorang pendidik, di samping ia juga bertujuan untuk mendukung Projek Literacy and Numeracy Coaching Programme yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan pada ketika ini.

Program Induksi itu bertujuan sebagai langkah awal menyediakan guru-guru berkenaan dengan ilmu asas pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik sebelum mereka masuk dan mengajar di dalam bilik-bilik darjah.

Selain itu, ianya juga diharap akan dapat memberikan kefahaman mengenai misi, visi, fungsi dan peranan Kementerian Pendidikan, serta untuk memberi pendedahan dan kefahaman yang jelas dengan profesionalisme sebagai Guru Bahasa Inggeris dan Matematik dalam mendukung Wawasan Negara 2035 khususnya dalam pendidikan literasi dan numerasi.

# Anak yang tidak ada hak waris




**KELUARAN KEDUA**

### 3. Anak angkat

ANAK angkat tidak boleh menerima harta pusaka kerana tidak termasuk dalam kalangan ahli waris yang berhak menerima harta pusaka ibu atau bapa angkatnya. Anak angkat bukan mahram kepada ibu dan bapa angkatnya. Anak angkat tidak dinasabkan kepada bapa angkatnya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

**Tafsirnya :** *"Allah tidak menjadikan seseorang itu mempunyai dua hati dalam rongga dadanya. Dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri yang kamu Zhihar kan itu sebagai ibu-ibu kamu. Dan Dia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu sebagai anak-anak kamu sendiri. Yang demikian itu hanyalah kata-kata kamu dengan mulut kamu sahaja, dan Allah menerangkan yang benar dan Dialah yang menunjukkan jalan yang betul.*

*Panggillah anak-anak angkat itu (dengan berbinkan) kepada bapa mereka sendiri, itu yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka maka mereka itu ialah saudara kamu seagama dan sebagai 'maula-maula' kamu. Dan bukanlah suatu dosa ke atas kamu dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya tetapi (berdosa melakukan) apa yang disengajakan oleh hati kamu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."*

(Surah al-Ahzab : 4-5)

Demikian juga, anak angkat tidak ada pertalian darah atau rahim dengan ibu atau bapa angkatnya. Oleh kerana itu anak angkat tidak dapat menerima harta pusaka daripada keduanya.

Berlainan halnya jika anak angkat itu memang dari kalangan ahli waris dan *dzawil arham* kepada ibu atau bapa angkatnya. Sebagai contoh, anak kepada saudara kandung yang diambil menjadi anak angkat. Dalam keadaan ini, hak waris boleh berlaku disebabkan hubungan waris nasab dan *dzawil arham* bukan disebabkan hubungan angkat. Walau bagaimanapun, perwarisan ini berlaku dengan syarat-syarat yang tertentu. Demikian juga perwarisan *dzawil arham* sebagaimana menurut ulama muta'akkhir Mazhab Syafii. Di samping itu, perlu diingat, anak angkat sama sekali tidak mewarisi harta pusaka suami kepada ibu saudara yang mengambilnya menjadi anak angkat atau harta isteri kepada bapa saudara yang mengambilnya menjadi anak angkat walaupun keduanya merupakan bapa angkat atau ibu angkatnya kerana tidak wujud sebab-sebab yang membolehkan perwarisan.

### 4. Anak Li'an

*Li'an* ialah perkataan yang diketahui yang dijadikan hujah oleh orang yang terpaksa untuk menuduh orang yang mencemari tempat tidurnya dan mendatangkan aib kepadanya atau tindakan menafikan anak.

Sementara itu, anak *li'an* pula ialah anak yang dilahirkan dari hubungan pernikahan yang sah, akan tetapi si suami menafikan anak itu daripada nasabnya. Diputuskan penafian nasab anak itu baginya setelah berlaku sumpah *li'an antara suami dan isteri itu dengan mengikut cara yang ditetapkan oleh syarak.*

Apabila berlaku *li'an*, maka hubungan pernikahan suami dan isteri itu putus dan hubungan keduanya menjadi *mahram mu'abbad* iaitu haram nikah untuk selamanya. Selain itu, dengan *li'an* juga hubungan nasab dinafikan. Disebutkan di dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radiallahu 'anhuma :

**Maksudnya :** *"Sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjatuhkan hukuman li'an ke atas seorang lelaki dan isterinya. Maka ternafi lelaki itu akan nasab anak kandungan ister inya itu. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memisahkan keduanya dan menghubungkan anak tersebut dengan perempuan itu."*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Oleh yang demikian, mengenai perwarisan anak *li'an,* apabila sabit *li'an*, maka terputuslah hubungan waris di antara lelaki yang melakukan *li'an* dan anak *li'an* disebabkan terputusnya nasab di antara keduanya. Demikian juga anak li'an tidak mempunyai hubungan waris dengan keluarga terdekat daripada sebelah bapa iaitu lelaki yang melakukan *li'an* kerana tidak ada sebab-sebab yang membolehkan hak waris iaitu hubungan keluarga yang sabit disebabkan nasab.

Walau bagaimanapun, hubungan waris antara anak *li'an* dan ibunya tetap tidak putus disebabkan hubungan nasab yang kekal di antara keduanya. Begitu juga hubungan anak *li'an* dan keluarga terdekat daripada sebelah ibunya.

### 5. Anak zina

Anak zina ialah anak yang lahir daripada perut ibunya bukan melalui jalan yang disyariatkan Islam, akan tetapi disebabkan perbuatan haram iaitu zina.

Lelaki yang melakukan zina tidak mempunyai hubungan nasab dengan anak yang lahir melalui perbuatan zina yang dilakukannya itu. Anak tersebut tidak dinasabkan kepadanya walaupun dia mengakui anak tersebut adalah anak hasil daripada perbuatan zina yang dilakukannya. Oleh yang demikian, anak tersebut bukan dari kalangan ahli warisnya atau tidak boleh mewarisi harta pusakanya apabila dia meninggal dunia.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada 'Amru bin Syu'aib, daripada bapanya, daripada datuknya, sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Setiap lelaki yang berzina dengan perempuan yang merdeka ataupun hamba, maka anak itu adalah anak zina, dia tidak mewarisi dan tidak diwarisi (akan lelaki itu dan keluarganya)."*

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Anak yang lahir disebabkan zina dinasabkan kepada ibunya dan hanya mewarisi harta pusaka daripada ibunya atau sebelah ibunya sahaja.

### 6. Anak berlainan agama

Perbezaan agama di antara anak dengan ibu atau bapanya menegah dari berlakunya perwarisan di antara mereka. Menurut ijma' (kesepakatan) ulama, orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka orang Islam dan menurut jumhur (sebahagian besar) ulama pula, orang Islam juga tidak boleh mewarisi harta pusaka orang bukan Islam. Dalam sebuah hadis shahih yang diriwayatkan daripada Usamah bin Zaid Radiallahu 'anhuma, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Seorang Muslim tidak mewarisi (harta pusaka) seorang kafir, dan tidak pula seorang kafir itu mewarisi (harta pusaka) seorang Muslim."*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Oleh yang demikian, seorang anak yang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka bapa atau ibunya yang beragama Islam dan ibu atau bapa yang bukan beragama Islam tidak mewarisi harta pusaka anaknya yang beragama Islam.

Demikian juga, seorang anak yang beragama Islam tidak mewarisi harta pusaka ibu atau bapanya yang bukan Islam dan ibu atau bapa yang beragama Islam tidak berhak mewarisi harta pusaka anaknya yang bukan Islam.

### 7. Anak yang murtad

Anak yang murtad tidak mewarisi harta pusaka ibu atau bapanya sekalipun dia kembali kepada Islam selepas ibu atau bapanya itu meninggal dunia. Sementara itu, harta pusaka anak yang murtad juga tidak boleh diwariskan kepada ahli waris kerana harta tersebut adalah dikira sebagai harta rampasan dan Baitul Mal berhak menerimanya sama ada harta tersebut diperoleh ketika dia masih Islam atau ketika dia telah murtad. Adapun jika anak itu kembali kepada Islam sebelum dia meninggal dunia, maka hartanya dikembalikan kepadanya.

### 8. Anak yang membunuh ibu atau bapanya

Orang yang membunuh tidak boleh menerima harta pusaka orang yang dibunuhnya sama ada orang yang membunuh itu seorang mukallaf ataupun tidak dan sama ada pembunuhan itu berlaku dengan sengaja ataupun tidak, dengan sukarela atau kerana terpaksa, dengan tidak ada hak atau dengan adanya hak seperti untuk mempertahankan dirinya daripada kemudaratan.

Berdasarkan ketetapan tersebut, maka seorang anak yang membunuh ibu atau bapanya adalah ditegah daripada menerima harta pusaka ibu atau bapanya.

Berlainan halnya pula, bagi orang yang dibunuh boleh sahaja mewarisi harta pusaka orang yang membunuhnya. Keadaan seperti ini boleh berlaku apabila seseorang mencederakan seseorang daripada kalangan ahli warisnya. Orang yang mencederakan itu meninggal dunia. Kemudian, orang yang dicederakan pula meninggal dunia akibat dicederakan itu. Maka dalam keadaan ini, orang yang dicederakan itu boleh mewarisi harta pusaka orang yang mencederakannya itu kerana tidak ada wujud sebarang tegahan ke atasnya daripada menerima harta pusaka selagi mana dia masih hidup ketika orang yang mencederakan itu telah meninggal dunia.

### Pemberian Harta Melalui Hibah dan Wasiat

Anak yang berhak menerima harta pusaka ibu atau bapanya adalah anak kandung yang sabit mempunyai hubungan nasab dan darah dengan ibu atau bapanya. Oleh kerana itu, anak tiri tidak berhak menerima harta pusaka ibu atau bapa tirinya. Demikian juga anak susuan tidak mewarisi harta pusaka ibu dan bapa susuannya. Anak li'an dan anak zina pula hanya berhak mewarisi harta pusaka ibu kandungnya. Demikian juga, anak angkat tidak boleh menerima harta pusaka ibu atau bapa angkatnya. Selain itu, anak yang berlainan agama, murtad dan anak yang membunuh ibu atau bapanya juga tidak boleh menerima harta pusaka ibu atau bapanya walaupun dia adalah anak kandung ibu atau bapanya.

Sungguhpun semua anak yang disebutkan ini tidak boleh menerima harta pusaka daripada ibu atau bapanya, ketetapan ini tidak bererti anak-anak tersebut sama sekali tidak boleh menerima harta ibu atau bapa mereka. Terdapat alternatif yang membolehkan mereka menerima harta ibu atau bapa mereka, antaranya melalui hibah dan wasiat dengan mengikut syarat-syarat yang ditentukan.

Hibah bermaksud penyerahan milik terhadap sesuatu benda secara sukarela tanpa sebarang imbalan semasa si pemberi masih hidup. Wasiat pula bermaksud pemberian suatu hak kepada seseorang selepas berlakunya kematian pewasiat.

Oleh yang demikian, pemberian harta kepada anak boleh dilakukan melalui hibah semasa ibu atau bapa masih hidup. Sementara itu, wasiat boleh dibuat jika seorang ibu atau bapa berhajat untuk memberi hartanya kepada anak yang bukan daripada kalangan ahli warisnya setelah dia meninggal dunia dengan tidak melebihi 1/3 daripada harta tersebut. Wasiat yang melebihi kadar tersebut adalah tertakluk kepada persetujuan ahli waris.

Sebagai irsyad, demikian penjelasan mengenai kedudukan beberapa golongan anak dalam hukum perwarisan. Pengetahuan dalam perkara ini adalah perlu memandangkan perbalahan di antara ahli keluarga adakalanya berlaku hanya disebabkan masalah perwarisan harta pusaka. Perkara mengenai perwarisan ini hendaklah dirujuk kepada institusi yang berwajib seperti Mahkamah Syariah bagi mendapatkan pandangan dan pengesahan yang lebih jelas dan muktamad.

***'ANAK yang berhak menerima harta pusaka ibu atau bapanya adalah anak kandung yang sabit mempunyai hubungan nasab dan darah dengan ibu atau bapanya. Oleh kerana itu, anak tiri tidak berhak menerima harta pusaka ibu atau bapa tirinya. Demikian juga anak susuan tidak mewarisi harta pusaka ibu dan bapa susuannya. Anak li'an dan anak zina pula hanya berhak mewarisi harta pusaka ibu kandungnya. Demikian juga, anak angkat tidak boleh menerima harta pusaka ibu atau bapa angkatnya. Selain itu, anak yang berlainan agama, murtad dan anak yang membunuh ibu atau bapanya juga tidak boleh menerima harta pusaka ibu atau bapanya walaupun dia adalah anak kandung ibu atau bapanya.'***

# Serah bantuan kepada saudara baharu



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh (kanan) selaku tetamu kehormat menyerahkan bantuan berupa enjin mesin rumput kepada Awang Muhammad Amirul Aqil bin Abdullah Ang.

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Januari. - Salah satu usaha Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dalam menjamin kesejahteraan hidup para mualaf ialah dengan memberikan bantuan-bantuan kepada mualaf yang memerlukan.

Antara bantuan-bantuan yang diberikan termasuklah bantuan membina dan membaik pulih rumah; peralatan persekolahan; enjin mesin rumput; enjin generator; tangki dan pam air dan keperluan asas harian yang berupa makanan asasi.

Selain itu, PDI juga memberikan bantuan berbentuk bantuan projek sara diri seperti mesin jahit; mesin mengetam padi dan juga bahan-bahan untuk membuat kuih.

Sebagai salah satu usaha tersebut, satu Majlis Penyerahan Bantuan berupa enjin mesin rumput kepada mualaf yang terpilih, Awang Muhammad Amirul Aqil bin Abdullah Ang, berlangsung di PDI di sini.

Penyerahan bantuan disempurnakan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku tetamu kehormat.

Majlis diteruskan dengan demonstrasi praktikal memotong rumput oleh penerima.

Juga hadir, Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Abdul Aziz bin Haji. Abdul Kahar.

Antara objektif bantuan ini diberikan ialah untuk membantu meningkatkan taraf kehidupan dan keselesaan hidup para mualaf, di samping sebagai salah satu metod dakwah kepada mereka yang bukan beragama Islam dalam memperlihatkan usaha pemedulian PDI terhadap para mualaf di negara ini.

Dengan adanya bantuan seumpama ini diharap para mualaf akan dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan seterusnya mereka akan dapat melaksanakan ibadah dengan lebih selesa dan sempurna.

# Kongsi amalan proses pensijilan halal

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**



PEMANGKU Ketua Bahagian Kawalan Makanan Halal, Dayang Zurina Salwa binti Haji Osman (kanan) mengalu-alukan kedatangan delegasi Korea Muslim Federation (KMF) diketuai oleh Presiden KMF, Dr. Hussain Kim Dong Eok.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 29 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah hari ini telah menerima lawatan daripada delegasi Korea Muslim Federation (KMF) untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan pengiktirafan halal antara kedua-dua badan pensijilan halal Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea.

Delegasi seramai tiga orang yang diketuai oleh Presiden KMF, Dr. Hussain Kim Dong Eok itu disambut oleh Pemangku Ketua Bahagian Kawalan Makanan Halal, Dayang Zurina Salwa binti Haji Osman di Bangunan KHEU, Jalan Elizabeth ll, di ibu negara.

Delegasi kemudian diberi taklimat bertajuk "Halal Certification in Brunei Darussalam" yang disampaikan oleh Pegawai Permakanan di Bahagian Kawalan Makanan Halal, Dayang Siti Hazirah binti Haji Abu Hassan, disusuli dengan sesi perbincangan.

Lawatan tersebut adalah sebahagian daripada rangka lawatan KMF ke Badan-Badan Pensijilan Halal lain di serantau ini untuk bersua dan bertukar-tukar pandangan mengenai proses-proses pensijilan halal antara kedua-dua belah pihak.

KMF merupakan satu-satunya Badan Pensijilan Halal yang berdaftar di bawah Kerajaan Republik Korea dan telah memulakan pensijilan halal sejak tahun 1994.

Ia telah berjaya membantu syarikat-syarikat dari Republik Korea untuk menembusi pasaran halal di negara-negara Islam seluruh dunia.

# Tanam sebiji benih yang menumbuhkan 7 tangkai

منوجو كريضاءن الله

**MENUJU KEREDAAN ALLAH**

كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

*PERUMPAMAAN orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah mengandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.*

Surah Al-Baqarah : 261

Amalan bersedekah termasuk dalam kategori jihad di jalan Allah Subhanahu Wata'ala yang akan membawa keuntungan pahala berlipat kali ganda. Sikap terpuji ini merupakan suatu perjuangan untuk memperkukuhkan ekonomi masyarakat Islam dan dapat menghapuskan kemiskinan, kefakiran dan kedaifan dalam kalangan umat Islam itu sendiri.

Bersedekah telah menjadi suatu kelaziman bagi para nabi dan rasul serta orang soleh sejak zaman-berzaman. Bersedekahlah kita walau sedikit dengan keikhlasan hati kerana setiap rezeki dan harta yang kita miliki itu terdapat juga hak orang lain oleh itu adalah afdhal untuk dikongsi dan dinikmati bersama. Dengan bersedekah juga dapat menghindari diri individu itu dari dan kedekut kerana malaikat akan mendoakan kebinasaan terhadap diri mereka yang bersifat bakhil sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Abu Hurairah Radiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Setiap hari, dua malaikat turun ke bumi. Salah seorang dari mereka berkata, "Ya Allah gantilah harta orang yang bersedekah di jalan-Mu (dengan rezeki yang lebih banyak). Sedangkan yang satunya lagi berkata, "Ya Allah, binasakanlah harta orang yang menahan hartanya untuk disedekahkan.*

Hindarilah diri kita dari didoakan kebinasaan oleh Malaikat kerana harta yang disedekahkan pada zahirnya sahaja nampak berkurangan namun hakikatnya meraih pahala dan mungkin saja menjadi saham untuk dinikmat di akhirat kelak.

Ramai yang hanya menunggu sehingga jadi kaya barulah ingin melakukan amal kebajikan. Namun, tahun berganti tahun, impian tidak juga terlaksana. Kalaupun kaya, belum tentu memberi, sebab selalunya sayang harta.

Justeru itu, sampai bila-bila pun kita tidak dapat bersedekah. Terlepas satu daripada ciri orang bertakwa. Padahal mereka yang bertaqwa disediakan syurga seluas segala langit dan bumi, sebagaimana firman-Nya pada Surah A-li Imran, 133 dan 134 bermaksud :

*"Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa. (Iaitu) orang-orang yang membelanjakan (hartanya) pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan."*

Apabila bersedekah biarlah dengan ikhlas. Memberi yang terbaik terutama membabitkan makanan, minuman, pakaian dan barang kegunaan lain. Jangan beri yang buruk, lusuh atau hampir basi.

Jika kita hendak beri semangkuk gulai untuk berbuka puasa kepada jiran misalnya, berilah bahagian isi dan bukannya tulang. Mahu belikan pakaian kepada anak yatim, belilah yang sempurna dan baik seperti dipakai kanak-kanak lain.

Sebabnya Allah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 267 bermaksud :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada (harta kamu) yang baik-baik (hasil daripada) apa yang kamu usahakan dan sebahagian daripada apa yang Kami telah keluarkan untuk kamu dari bumi (seperti biji-bijian, buah-buahan dan galian ). Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (sebagai zakat dan sedekah) sedangkan kamu sendiri tidak akan mengambil yang buruk itu (kalau ia diberikan kepada kamu) kecuali kalau kami terpaksa menerimanya dengan memejamkan mata padanya."*

# Perkenalkan sejarah kedatangan Islam ke Australia



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum semasa hadir pada Ceramah Umum daripada General Manager, Islamic Museum of Australia, Mr. Ali Fahour.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**GADONG**, Selasa, 29 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), petang tadi mengalu-alukan kunjungan daripada General Manager, Islamic Museum of Australia, Mr. Ali Fahour yang sedang dalam rangka mengadakan Pameran Warisan Sejarah Islam Australia dan kesannya terhadap kontemporari Australia di negara ini.

Kunjungan tersebut turut diisikan dengan Ceramah Umum yang disampaikan oleh beliau yang bertajuk 'Islam in Australia'.

Antara isi kandungan ceramah beliau ialah mengenai komuniti masyarakat Islam yang ada di Australia dan sejarah mula kedatangan Islam di negara berkenaan (Macassan dalam sekitar tahun 1600), sejarah Muslim di Australia melalui penempatan Eropah dan Kolonial, sejarah penubuhan awal masjid di negara berkenaan, gelombang penghijrahan Muslim di Australia, kepelbagaian budaya serta ancaman kepada perpaduan sosial dan banyak lagi perkara menarik yang telah dikongsikan oleh beliau.

Terdahulu, rombongan tersebut telah dialu-alukan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Juga hadir sama ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum.

Dalam ucapannya, Puan Yang Terutama melahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada pihak UNISSA kerana memberikan peluang memperkenalkan Islam di Australia sebagai sokongan penganjuran pameran yang menggambarkan warisan sejarah Islam Australia dan kesannya terhadap kontemporari Australia, dengan tema 'Boundless Plains: The Australian Muslim Connection' yang telah dilancarkan di Kompleks Membeli-belah Supa Save, Mabohai baru-baru ini.

Peluang ini diharap merupakan perintis dalam membuka ruang kerjasama antara Australia dan Brunei khususnya UNISSA dalam bidang yang bersesuaian di masa akan datang.

Majlis tersebut merupakan anjuran bersama Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam dan Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa UNISSA.

Ianya bertujuan sebagai usaha memperkuatkan hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Austalia terutama dalam bidang pendidikan.

Melalui ceramah itu juga dapat memperkenalkan kepada masyarakat luar dan warga UNISSA mempelajari tentang kehidupan lebih daripada setengah juta umat Islam di Australia dalam memberikan kesedaran dan penghargaan kepelbagaian Ummah Muslim global.

Ceramah tersebut turut dihadiri oleh pegawai-pegawai utama UNISSA, pensyarah dan mahasiswa / mahasiswi UNISSA.



GENERAL Manager, Islamic Museum of Australia, Mr. Ali Fahour semasa menyampaikan Ceramah Umum beliau bertajuk 'Islam in Australia' semasa membuat kunjungan ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

# Meningkatkan pengetahuan melalui taklimat dan lawatan

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**
**Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**




KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan 'Taklimat Struktur Pentadbiran Negara Brunei Darussalam'.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 29 Januari. - Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2019 diteruskan dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan serta ceramah motivasi.

Bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini, para peserta program mula-mula mendengarkan taklimat 'Negara Melayu Islam Beraja: Sejarah dan Kelangsungan', disampaikan oleh Setiausaha Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dalam taklimatnya beliau antara lain menyatakan bahawa Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) bukan sekadar konsep, malahan merupakan sandaran dan cara hidup rakyat negara ini sejak berabad lamanya yang masih mengamalkan Adat Istiadat Melayu yang berketuakan Raja dan berpegang kepada agama Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu agama Islam.

Taklimat juga memfokuskan kepada sejarah kewujudan pemerintahan beraja, sebagaimana yang telah dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984, untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Menurut beliau, berdasarkan Wawasan Brunei 2035, MIB merupakan acuan yang akan membentuk dan mewarnai apa jua kemajuan dan pembangunan yang akan dicapai, untuk kesejahteraan dan kemakmuran hidup rakyat bagi kelangsungan pemerintahan beraja di negara ini.

Taklimat diteruskan dengan tajuk 'Taklimat Struktur Pentadbiran Negara Brunei Darussalam', disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, yang antara lain menyentuh mengenai sejarah pemerintahan Negara Brunei Darussalam.

Pada sebelah petang pula, para peserta program berpeluang mengadakan lawatan ke RZ Prisma Enterprise, KKP Kilanas, di mana mereka berkesempatan mencuba menanam benih tanaman secara hidroponik dan membuat lawatan ke *greenhouse*.

Para peserta program juga mendengarkan taklimat mengenai latar belakang syarikat dan jenis-jenis tanaman disampaikan oleh Pengurus Besar, RZ Prisma Enterprise Sdn. Bhd., Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail yang turut mengongsikan pengalaman dalam mengusahakan ladang berkenaan.

Manakala di sebelah malam pula para peserta mendengarkan ceramah motivasi disampaikan oleh Pegawai Latihan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Haji Noor Husseini bin Haji Mohd. Hussein di mana dalam ceramahnya bertajuk 'Apa Bagus Ah?', beliau antara lain mengongsikan cara bijak menilai; Syukur dan sabar dengan rezeki dan Hindari sindrom P.A.Y.A.H.

Aktiviti para peserta diakhiri dengan percambahan fikiran berkumpulan yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan.

Program anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan ini disertai oleh seramai 35 peserta terdiri dari lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.



SETIAUSAHA Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong semasa menyampaikan taklimat 'Negara Melayu Islam Beraja: Sejarah dan Kelangsungan'.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2019 ketika mengadakan lawatan ke RZ Prisma Enterprise.

# Semai semangat solidariti, kenegaraan pelajar



TIMBALAN Pengetua Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait, Dayang Nor Sadiyah binti Haji Sadim (kiri) menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**
**Foto : Noraisah Haji Muhammed**

**BELAIT,** Isnin, 28 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Belait kali ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait.

Hadir pada program tersebut ialah Timbalan Pengetua Sekolah berkenaan, Dayang Nor Sadiyah binti Haji Sadim, tenaga pengajar serta penuntut-penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan yang seramai 76 orang.

Antara tujuan program taklimat tersebut diadakan ialah sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara selain untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, manakala sejarah serta tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' pula disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Pada program yang diadakan pagi tersebut, para penuntut juga berkesempatan menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara', selain berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



ANTARA pelajar Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait yang mendengarkan taklimat tersebut.

# Tiga pelajar terima sijil tamat penempatan latihan kerja

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah**

**TUTONG,** Isnin, 28 Januari. - Awang Esrony bin Luas dan Awang Muhammad Hafis Amirnuddin bin Muhammad Halim, dua pelajar dari Sekolah Menengah Muda Hashim dan Dayang Nur Syahmimi Asqina binti Safieh pelajar dari Sekolah Menengah Tanjong Maya telah menerima sijil masing-masing setelah menamatkan penempatan latihan kerja dengan jayanya pada hujung bulan Oktober tahun lepas.

Turut hadir semasa majlis penyampaian siil tersebut ialah Pengarah Urusan, Ahli Pengurusan Golden Corporation Sdn. Bhd., Richard Chuang Hsi Shan; Ketua Bahagian Program dan Akademik Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Dayang Sarimah binti Abu Bakar; Pengetua Sekolah Menengah Muda Hashim, Pengetua Sekolah Menengah Tanjong Maya, pegawai-pegawai daripada JSS dan Guru-guru Homeroom daripada dua buah sekolah berkenaan.

Pengetua Sekolah Menengah Muda Hashim bagi pihak dua buah sekolah dalam ucapannya menghargai sokongan Golden Corporation Sdn. Bhd. kerana memberi peluang penempatan latihan kerja bagi pelajar Program Pra-Vokasional dan semasa pelajar bekerja di Golden Corporation Sdn. Bhd., pelajar-pelajar telah menimba kemahiran, pengetahuan dan pengalaman bekerja yang sangat berharga.

Sementara Pengetua Sekolah Menengah Tanjong Maya, Dayang Hajah Norzan binti Haji Meludin dalam ucapannya bagi mewakili dua buah sekolah juga menghargai sokongan yang diberikan oleh pihak Unit Akademik, JSS dalam membantu pihak sekolah dalam mencari peluang latihan penempatan kerja yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar, menguruskan permohonan penempatan kerja bagi pihak sekolah, menghadapkan permohonan kepada majikan dan menjalankan lawatan pemantauan setiap bulan bersama guru-guru di tempat kerja pelajar.

Manakala Richard Chuang Hsi Shan Pengarah Urusan mewakili pihak pengurusan dalam ucapannya juga memuji dan menyokong usaha Unit Akademik JSS dalam membantu pihak sekolah mencari peluang penempatan latihan kerja bagi pelajar dan berharap kerjasama di antara Golden Corporation Sdn Bhd dan Unit Akademik, JSS yang terjalin sejak 2016 akan terus berkekalan pada masa hadapan.

Beliau menambah pihak Golden Corporation Sdn. Bhd. sedia menyokong program-program pendidikan yang menjurus kepada kemahiran kerja dan sokongan yang diberikan melalui peluang penempatan latihan kerja di syarikatnya.

Ini merupakan misi tanggungjawab sosial korporat Golden Corporation Sdn Bhd dalam menyokong pembangunan negara Brunei dengan melahirkan penduduk berkemahiran tinggi.

Bagi menghargai Golden Corporation Sdn. Bhd., Pengetua Sekolah Menengah Muda Hashim dan Pengetua Sekolah Menengah Tanjong Maya masing-masing telah menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada Richard Chuang Hsi Shan.



AWANG Esrony bin Luas dan Awang Muhammad Hafis Amirnuddin bin Muhammad Halim, dua pelajar dari Sekolah Menengah Muda Hashim dan Dayang Nur Syahmimi Asqina binti Safieh pelajar dari Sekolah Menengah Tanjong Maya menerima sijil masing-masing setelah menamatkan penempatan latihan kerja dengan jayanya pada hujung bulan Oktober tahun lepas.

# Pengusaha *online* sertai Seminar Mentor Perniagaan

**Siaran Akhbar dan Foto : A.Shazy Solutions**




PARA peserta seminar ketika mendengar penerangan dari fasilitator terkenal dari Republik Singapura.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 28 Januari. - Syarikat Immuneworks menganjurkan Seminar Mentor Perniagaan di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, pada 27 Januari 2019 di ibu negara.

Seminar sehari itu dihadiri oleh beberapa usahawan tempatan termasuklah peniaga berkonsepkan perniagaan secara *online* atau dari rumah yang dikendalikan oleh dua orang mentor terkenal dari Republik Singapura iaitu Haiyum Salim dan Fadzli Salim.

Pada seminar itu, kedua fasilitator telah menerangkan tujuan sebenar berniaga, petua dan cara untuk menjadi berjaya dalam perniagaan, faedah jualan peniaga kepada pembeli dan teknik jualan yang berjaya dalam perniagaan.

Pada akhir seminar, sesi soal jawab telah diadakan untuk para peserta seminar tersebut.

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA**
**PERKHIDMATAN KANTIN**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 85 / 2018 / 2019**
**[BPPA-JAN-2019]**

KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH SULTAN HASSAN, BANGAR, KLUSTER 1, DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN :
**BND5.00**
**[Bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 86 / 2018 / 2019**
**[BPPA-JAN-2019]**

KETERANGAN :
Dalam masa yang sama ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Para pelajar turut dihiburkan dengan lawak jenaka dan Kuiz RRP Jabatan Penerangan dan diakhiri dengan penyampaian hadiah kuiz dan cenderahati.



KETUA Kluster Satu, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Dayang Hamidah binti Haji Daud semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Daerah Temburong.



PARA Pelajar Tahun 9 dan 10 yang mengikuti program tersebut.

# Kukuhkan semangat patriotik pelajar



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Noraisah Muhammed

**BELAIT,** Selasa, 29 Januari. - Seramai 70 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait hari ini menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kelolaan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Belait diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Program Taklimat Kenegaraan ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Pada program yang diadakan tersebut para penuntut juga berkesempatan menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara'' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' selain berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat di akhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.

# Acara Malam Minggu Pusat Belia Sabtu ini

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Bandar Seri Begawan,** Selasa, 29 Januari. - Acara Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) akan diadakan kali kedua pada Sabtu, 2 Februari 2019 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Acara tersebut nanti akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik yang telah disediakan oleh beberapa syarikat dan persatuan belia. Ia akan bermula dari jam 7.30 malam, dengan beberapa acara dan aktiviti industri kreatif telah disusun seperti Mono Jazz Night, Jiwaku Seni, Trampoline Fitness, Juicing Party, Make Up Tutorial, dan jualan-jualan dari anak-anak belia tempatan.

Sementara itu, di Dewan Riadah akan diadakan Mono Jazz Night aktiviti yang merupakan persembahan Monologue dan nyanyian dari belia-belia yang berirama jazz yang diselenggarakan oleh syarikat Amux Motion dan Sutera Memento.

Manakala aktiviti senaman Trampoline Fitness akan diadakan di Studio Tarian Pusat Belia yang mana akan diselenggarakan oleh GMSS & Fitness Lab BN. Manakala sesi Make Up Tutorial termasuk Facial Beauty Treatment yang diungkayahkan oleh Fitness Lab BN bersama MUA (Make Up Artis) Mami Dina akan di tempatkan di Make Up Salon Pusat Belia.

Di Dewan Silaturahim akan diserikan oleh persembahan kesenian 'Jiwaku Seni' yang merupakan platform persembahan kesenian dan akan melibatkan beberapa pameran keusahawan belia tempatan yang dianjurkan bersama oleh Biro Seni dan Budaya, Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Kris Karmila, dan Persatuan Cosplay Bebas.

Di bilik Ruang Belia Kitani pula, akan diadakan Juicing Party oleh Pro Network Team (PNT) yang bertujuan untuk berkongsi ilmu mengenai penyediaan minuman sihat yang mudah disediakan oleh para belia ke arah mendukung cara hidup sihat. Selain itu, ahli-ahli Cosplay juga akan turut memeriahkan Ruang Belia Kitani dengan pelbagai demonstrasi dari persatuan tersebut.

Selaras dengan objektif MMPB, aspek keusahawanan di kalangan belia juga turut diberikan tumpuan utama. Syarikat Penyelenggara QD Roses Event Management akan mengadakan aktiviti jualan dengan menggumpulkan belia-belia yang berkecimpung dalam keusahawan bagi bermacam-macam produk termasuk belia-belia yang aktif dalam penjualan *online*.

Seramai lebih kurang 35 pengusaha belia tempatan telah dikenal pasti dan di antara produk-produk yang akan dijual adalah seperti Burger Streets, Livecook Danial, Meltz Edura, MamaPhoto Tiara, Noodle Bar Rina, Fuyoo Hotdog Nur Ainnie, Lekolicious Suraya, Chickout Nur Haziyah, Jumbo Drinks Azaman, Go Jagus Leeza, Ice Cream Pot Shahanaz, Arkat Corner, Randonnee Café, Prawn Letup Marlina, Ais Kepal Dilah, Popit Tokoyaki Nurulhanisah, Churros Pirates Café, Freezy Slushies, Kain dari Hijabs & Heels, Essential Oil Wondermama dan bermacam-macam lagi.

Aktiviti keusahawanan ini akan diadakan di kawasan Kolam Renang, Indoor dan Outdoor Café yang akan diserikan dengan persembahan akustik dari kumpulan belia.

Bagi memberi peluang kepada belia-belia yang beminat dengan kereta-kereta klasik, di bahagian kawasan letak kereta Pusat Belia juga akan mempamerkan bermacam-macam jenis kereta klasik yang dianjurkan oleh Club Benzer. Ini bertujuan untuk memberikan kesempatan bagi para belia melihat dengan lebih dekat mengenai kereta-kereta klasik yang menarik.

Tambahan itu, Akademi IT@Komputer juga akan diadakan bagi para belia mempelajari asas-asas info-komunikasi dan teknologi.

MMPB adalah satu projek Sukarelawan Belia yang dikumpulkan sebagai satu kolektif di bawah bimbingan Kementarian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Projek MMPB memaparkan kegiatan-kegiatan kesenian dan kebudayaan, hiburan, bakat tempatan lain dan keusahawanan dari industri kreatif yang bertapak di Pusat Belia dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada.

# Apa Pendapat Biskita?

## Pertahankan kewujudan kuih, makanan tradisi kita dari pupus

TIDAK ada yang lama maka tidak adalah yang baharu. Ungkapan sebegitu kedengaran cukup mudah, hakikatnya untuk mengekal dan mempertahankan sesuatu yang lama agar tidak dihakis oleh yang baharu memang sesuatu yang sukar. Begitulah juga akan nasib yang dialami oleh sesetengah makanan tradisi Melayu yang hari ini ada antaranya hampir tidak diketahui kewujudannya bahkan langsung tidak dikenali oleh belia kita hari ini. Keadaan ini bukan sahaja mengingatkan kita kepupusan haiwan, malah banyak makanan tradisional Melayu juga menghadapi masalah sama hingga sesetengahnya hanya ditemui pada musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina atau majlis keraian tertentu.

Kalau ditanya pada generasi hari ini tentang beberapa jenis kuih-muih tradisi atau makanan tradisi nenek moyang kita dahulu pasti ada yang terpinga-pinga kerana tidak pernah mendengar nama atau melihatnya jauh sekali apatah lagi untuk merasanya juga mereka tidak pernah, jika dibandingkan dengan kuih-muih atau makanan yang ada pada masa kini seperti Donat, Red Velvet, Waffles, Spageti, Piza dan sebagainya.

Sebenarnya setiap daerah di negara kita ini mempunyai pelbagai jenis makanan / kuih-muih tradisi yang mencerminkan identiti serta keunikan tersendiri. Sesetengah makanan tersebut tidak dibuat sepanjang masa untuk tujuan pasaran, sebaliknya lebih kepada juadah keluarga atau untuk tetamu yang berkunjung ini kerana sesetengah makanan ini tidak boleh disimpan lama, hanya bertahan untuk beberapa hari sahaja.

"Sebenarnya kuih-muih atau makanan tradisi ini seharusnya kita pertahankan kerana ia menjadi satu identiti kepada sesebuah negara mahupun sesebuah kaum tersebut. Namun dengan ledakan teknologi yang ada pada masa kini ia sudah kian pupus bahkan generasi kita yang ada pada masa kini sendiri tidak mengenali sebahagian besar nama-nama kuih makanan tersebut, cuba sahaja kita tanyakan kepada generasi muda kita beberapa jenis nama kuih atau makanan tradisi kita misalannya Kuih Bahulu, Ardam, Penyaram, Tapai atau beberapa jenis masakan kampung sudah pasti mereka akan berasa asing dengan nama-nama tersebut berbanding dengan nama-nama makanan yang sememangnya menjadi santapan seharian mereka seperti Piza, Grill Salmon, Red Velvet, Brownis dan sebagainya. Ini sebenarnya amat merugikan bagi generasi muda kita kerana tidak mengenali kuih atau masakan tradisi sendiri dan bagi saya perkara ini harusnya diambil berat dan hendaklah diserapkan dalam mata pelajaran mereka agar mereka mengenali dan mengetahui kuih-muih serta masakan tradisi negara sendiri agar ia tidak lapok ditelan zaman." **- Marhain Md, Peminat Kuih Tradisi.**

"Kurangnya individu yang boleh membuat makanan tradisional tersebut juga merupakan antara penyumbang kepada kepupusan kuih dan makanan tradisi kita dan ilmu yang tidak diperturunkan akibat waris kurang minat memasak, ditambah pula sesetengah orang menyimpan resipi yang dianggap rahsia dan tidak mahu dikongsi dengan orang lain kerana kebiasaannya resipi ini hanya untuk ahli keluarga atau orang yang dipercayai menyimpan amanah atau pewaris resipi tersebut sahaja dan ini amat merugikan sekiranya resipi sebegini tidak sempat diperturunkan walaupun ia merupakan strategi terbaik untuk perniagaan. Bagi pendapat saya langkah untuk mengekalkan makanan tradisional semua kaum di negara ini perlu dipertingkatkan bagi memastikan ia tidak dilupakan oleh generasi muda dan makanan tradisional ini perlu dikekalkan demi kesinambungan tamadun bangsa dan melaluinya juga kita dapat mengetahui asal usul kita." **- Anwar Haji Latif, Kilanas.**

"Pada pendapat saya sebagai penulis pada ruangan ini kepupusan kuih dan makanan tradisi jika tidak dipertahankan satu kerugian besar buat kita terutamanya pada generasi belia kita sekarang yang memang buta akan kewujudan kuih dan makanan tradisi kita. Untuk mempertahankan kewujudan kuih dan makanan tradisi kita, seharusnya ada pihak-pihak tertentu untuk tampil di dalam memperkenalkan kuih-muih serta makanan tradisi kita yang sememangnya unik. Misalnya dengan adanya ruangan Selera Kampung Kitani yang disiarkan di dalam akhbar Pelita Brunei di mana ruangan ini berbentuk memperkenalkan masakan serta kuih-muih tradisi kita yang disertakan dengan cara pembuatan dan bahan-bahannya sekali, ini merupakan satu inisiatif yang begitu berguna bukan hanya bagi mereka yang meminati ruangan masakan tetapi sekali gus ia secara tidak langsung memperkenalkan pelbagai jenis masakan dan juga kuih-muih tradisi yang ada di negara kita."

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*

i. Makanan tradisi dan moden
ii. Vandalisme

# Kenali Bahasa Brunei

**lumih-lumih** bermaksud butir atau bahagian kecil daripada sesuatu percakapan dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata: siapakan marati mun inda tantu **lumih-lumih** kurapaknya.

**cabur-cabur** bermaksud
1 terjun berulang-ulang ke air semasa mandi.
Contoh pemakaian kata: mun aing dalam ani, iskitah kanak-kanak mandi, **cabur-cabur** saja tia.

2 kiasan berkali-kali datang atau berkunjung.
Contoh pemakaian kata: mun daulu, **cabur-cabur**ku ka rumahnya atu, karang anitah inda.

**cakah** bermaksud
1 suka dan rajin bekerja.
Contoh pemakaian kata: **cakah** Si Dayang atu, inda payah disuruh-suruh bakaraja.

2 ada tenaga atau ada upaya.
Contoh pemakaian kata: lakat lagi **cakah** nini atu, waimapun umurnya 90 taun.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

# Selera Kampung Kitani

## KAMPUNG SUBOK




Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

## PISANG MASAK TUMIS PUSU

**BAHAN-BAHANNYA :**

Pisang-pisang dihiris (ikut kesukaan)
Bawang Merah
Bawang Putih
Lada kisar
Lada hidup
Sos cili botol
Ikan Pusu kering
Garam
Minyak
Air

**CARA-CARA MEMBUATNYA :**

Panaskan minyak, tumis Bawang Merah dan Bawang Putih hingga naik bau. Masukkan lada kisar, gaul dan biarkan hingga pecah minyak. Seterusnya masukkan Ikan Pusu kering, gaul dan biarkan seketika. Kemudian baru masukkan pisang-pisang, cili hidup dan sos cili botol. Tambahkan sedikit air dan gaul rata. Biarkan hingga masak dan sedia untuk dihidangkan.

# Sistem VES percepatkan proses kebenaran membawa kenderaan melepasi sempadan



AWANG Muhammad Shukri bin Haji Masri berpendapat, Sistem VES adalah salah satu kemudahan yang amat berkesan dan senang bagi orang ramai.



DAYANG Latifah binti Md. Salleh berpendapat, Sistem VES sangat senang dan mudah digunakan oleh pengguna, sama ada secara mengisi borang atau *online*.

***JIKA dibandingkan dengan sistem yang digunakan sebelum ini jelasnya, dari segi penjimatan masa, VES berjaya menjimatkan masa, yang mana para pengguna tidak perlu lagi mengisi borang secara manual.***

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 28 Januari. - Sistem Maklumat Kenderaan Keluar / Masuk (Vehicle Exit / Entry System - VES) merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dalam usaha untuk mempertingkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Sejak dilaksanakan pada April 2018 lalu, VES dapat mempercepatkan proses memohon kebenaran membawa kenderaan melepasi sempadan melalui Pos-pos Kawalan dengan membuat permohonan secara *online*.

Dalam tinjauan Pelita Brunei mengenai keberkesanan sistem berkenaan baru-baru ini, rata-rata orang ramai memberikan maklum balas yang positif.

Awang Muhammad Shukri bin Haji Masri ketika ditemui berkata, sejak diperkenalkan dengan sistem tersebut, beliau sebagai pengguna, amat menyambut baik dengan kemudahan yang diberikan, khususnya bagi mereka yang sering ke negara jiran menggunakan kederaan darat.

Tambahnya, VES adalah salah satu kemudahan yang amat berkesan dan senang bagi orang ramai.

Jika dibandingkan dengan sistem yang digunakan sebelum ini jelasnya, dari segi penjimatan masa, VES berjaya menjimatkan masa, yang mana para pengguna tidak perlu lagi mengisi borang secara manual.

Menyentuh mengenai penambahbaikan sistem tersebut, beliau berkata salah satunya ialah dengan menghasilkan aplikasi VES bagi telefon pintar dengan menghubungkan semua maklumat kenderaan ke dalam sistem tersebut dan para pengguna tidak perlu mengisi semula maklumat yang diperlukan.

Sementara itu, Dayang Latifah binti Md. Salleh semasa ditemui juga memberikan pandangan yang sama, iaitu sistem tersebut mempunyai banyak manfaat, terutama sekali dari segi penjimatan masa, tidak perlu beratur panjang dan menunggu lama.

Sistem VES katanya, sangat senang dan mudah digunakan, yang mana para pengguna boleh sahaja mengisi borang melalui *online* menggunakan telefon bimbit, walaupun mereka sudah berada di sempadan.

Setentunya, dengan inisiatif-inisiatif dan pembaharuan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, ia akan dapat memudahkan dan meningkatkan lagi perkhidmatan yang efisien dan berkesan bagi orang ramai.

Keterangan lanjut mengenai VES boleh didapati melalui laman sesawang *www.tradingacrossborders.gov.bn* atau *www.bdnsw.gov.bn* atau menghubungi kaunter perkhidmatan pelanggan menerusi talian +673 2382361 semasa waktu pejabat atau e-mel ke *info@customs.gov.bn.*

Pelita Brunei

# MINDA PEMBACA

## Kesan pengambilan makanan segera

**MAKANAN** segera adalah salah satu kategori makanan yang mudah disediakan dan dihidangkan dengan pantas seperti mi segera, snek, makanan beku dan seumpamanya. Ia boleh bersifat panas mahupun sejuk. Pada kebiasaannya, ungkapan makanan segera ini dikhususkan untuk makanan yang dihidangkan di dalam restoran dan kedai yang menggunakan bahan-bahan yang sedia dimasak. Makanan ini akan dipanaskan terlebih dahulu sebelum dihidangkan kepada pelanggan. Makanan segera juga boleh didapati di gedung-gedung serbaneka atau pasar raya dalam bentuk pek yang tersedia.

Disebabkan cara menghidangnya yang sangat mudah dan cepat, amalan makan makanan segera telah pun menjadi tren kepada masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak dan orang muda. Namun, terdapat banyak kesan-kesan negatif dari amalan ini yang boleh memudaratkan kesihatan disebabkan oleh makanan yang berminyak dan mengandungi garam yang berlebihan. Hal ini sangat membimbangkan kerana masih ada segelintir masyarakat yang menjadikan makanan segera sebagai amalan harian disebabkan kurangnya pengetahuan tentang kesan-kesan buruk daripada amalan ini.

Antara kesan-kesan atau komplikasi kesihatan dari amalan makanan segera adalah berat badan berlebihan atau obes, kencing manis dan darah tinggi. Lemak yang berlebihan dari pengambilan makanan yang berminyak akan terkumpul di dalam badan yang menyukarkan proses aliran darah. Ini boleh menyebabkan risiko darah tinggi dan apabila kes ini menjadi lebih serius, pembedahan pembuangan lemak mungkin perlu dilakukan yang memerlukan kos yang sangat tinggi. Hal ini boleh dielakkan jika sekiranya orang ramai mengambil langkah-langkah pengambilan makanan segera yang betul pada peringkat awal usia.

Justeru itu, pengambilan makanan segera hendaklah dipantau dan dikurangkan demi menjaga kesihatan tubuh badan dari segala penyakit yang tidak diingini. Antara cara mudah untuk mengawal pengambilan makanan segera adalah dengan memilih jenis makanan dan cara penyediaan yang lebih sihat dan selamat dengan mengurangkan penggunaan minyak dan garam dalam masakan.

**Nama : Mohamad Abdul Azim bin Zainudin**
**No. K/P : 01-072789 (K)**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Solat Mencegah Perbuatan Keji dan Mungkar'**. Tarikh Tutup : **30 Januari 2019**
2. **'Semai Akhlak Mulia Dalam Kehidupan Seharian'**. Tarikh Tutup : **6 Februari 2019**
3. **'Ancaman Jenayah Siber Menggugat Keamanan'**. Tarikh Tutup : **13 Februari 2019**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

*Menangi*
**BND75**
*Setiap Minggu*

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Melayu Islam Beraja calak orang Brunei



PENULIS bergambar kenangan bersama Pengarah dan Pegawai Kanan Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan serta pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa ke United Kingdom, Australia dan New Zealand.

BERDASARKAN tugas dan tanggungjawab Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) bagi menanai titah pemasyhuran kemerdekaan 1 Januari 1984, maka usaha-usaha untuk pengukuhan dan pengekalan status negara MIB sentiasa dilaksanakan oleh Pejabat Sekretariat MTMIB melalui aktiviti-aktiviti yang berdasarkan Pelan Tindakan Strategik MTMIB 2015 - 2020. Selaras dengan matlamat Wawasan Negara 2035 untuk mengekalkan amalan hidup berbudaya Brunei, beragama Islam dan berpemerintahan sistem beraja maka generasi baharu masa kini perlu disemai dan asuh dengan nilai-nilai MIB sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Eire pada Ahad, 28 Rabiulawal 1439 Hijrah bersamaan 17 Disember 2017 Masihi :

*"Selain itu, rukun pembangunan juga mengambil kira kualiti dalaman, iaitu syakhsiyah dan sikap yang hebat dalam membangun.*

*Kita orang-orang Brunei, syakhsiyah dan sikap itu calaknya adalah MIB. Maka selain MIB, ia bukan Brunei.*

*Ini mustahak untuk difahami oleh para pelajar sekalian. Mereka adalah pewaris MIB, anak kandung kepada MIB. Mereka tidak boleh berpaling tadah daripada MIB, walau apapun bidang pendidikan yang mereka pilih atau ambil.*

*Seyogia diingat, MIB bukanlah hanya untuk disandarkan kepada mata benda, seperti ada yang menyebut : 'Kuih MIB' atau 'Pakaian MIB' atau 'Reka bentuk MIB' dan seumpamanya. Tetapi yang lebih utama untuk difahami di sini, bahawa MIB itu juga adalah sistem atau dasar atau nilai sistem bagi Brunei Darussalam.*

*Lalu kerana itu, janganlah ada yang sampai terbabas daripada landasan atau yang cuba meminati yang lain dari MIB. Jika ada ini, sikap sedemikian itu adalah tidak patriotik selaku warga Brunei."*

Baginda tidak jemu-jemu mengingati para pelajar Brunei khususnya yang berada di luar negara dan generasi muda masa kini umumnya untuk mengamalkan dan menghayati nilai-nilai MIB yang menjadi calak keBruneian. Ini adalah kerana generasi muda adalah pewaris bangsa Brunei masa akan datang yang menentukan arah dan tuju yang akan dicapai. Maka pemilikan nilai-nilai MIB itu penting bagi persediaan generasi muda masa ini untuk memenuhi matlamat pembangunan negara ini sebagaimana yang terkandung dalam Wawasan Negara 2035. Oleh itu, sepanjang tahun 2017 dan juga pada awal tahun 2018 Pejabat Sekretariat MTMIB telah memberi taklimat kepada rombongan pelajar Brunei yang telah meneruskan pengajian mereka ke luar negara iaitu United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Kepentingan pengamalan dan penghayatan nilai-nilai MIB memang menjadi agenda utama yang terkandung dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21. Selaras dengan semua titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai MIB, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi kursus dan taklimat khusus mengenai nilai-nilai keBruneian kepada golongan pelajar yang berangkat ke luar negara. Perkara ini telah diperingatkan lagi oleh mantan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, pada 31 Ogos 2017 kepada seramai 67 pelajar yang dianugerahkan Biasiswa Kerajaan dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan. Dalam majlis tersebut satu taklimat yang bertajuk 'Penghayatan Konsep MIB' telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat MTMIB dengan tujuan untuk mensejajarkan dan menggarap aspirasi negara yang beracuankan MIB agar pelajar-pelajar betul-betul mengamalkan serta menghayati calak keBruneian.

Oleh itu, setiap tahun sejak 2015, Kementerian Pendidikan Bahagian Dermasiswa telah menganjurkan Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut dengan hasrat bagi memberikan ruang dan peluang kepada para pelajar untuk sama-sama berbincang serta memahami tentang keperluan semasa mengenai kemajuan, perkembangan serta pembangunan negara dalam pelbagai bidang. Kursus ini juga bertujuan untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara dan kerajaan, di samping memupuk, menanam serta memperkasa semangat kenegaraan serta budaya 'kekitaan' atau *sense of belonging* yang bercalak MIB.

Seterusnya, pada 4 Januari 2018 seramai 20 pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke Australia dan New Zealand telah diberi taklimat MIB oleh Pejabat Sekretariat MTMIB. Fokus utama dalam taklimat yang diberikan adalah berdasarkan titah baginda sultan mengenai pentingnya pengamalan dan penghayatan nilai-nilai MIB sebagai calak identiti dan jati diri orang Brunei. Dalam titah terakhir bagi tahun 2017 mengenai MIB, baginda sultan telah menasihati golongan pelajar Brunei yang berada di luar negara supaya memakai nilai-nilai murni yang terdapat dalam falsafah negara MIB. Justeru itu, penampilan atau gambaran orang-orang Brunei yang sebenarnya bukan hanya dilihat dari segi mata benda bahkan yang paling penting adalah nilai-nilai MIB yang mencalak dalam tingkahlaku, tabiat, sifat, pemikiran, syakhsiyah dan sebagainya.

Antara isi kandungan taklimat yang disampaikan oleh penulis kepada para pelajar yang mengikuti pengajian ke Australia dan New Zealand ialah tentang sejarah latar belakang kewujudan negara MIB, kedua cabaran dari segi sejarah dan juga dalam era globalisasi masa kini. Bahagian terakhir adalah mengenai kewajipan dan tanggungjawab pelajar sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam berdasarkan pengamalan nilai-nilai MIB.

Menyentuh tentang MIB dari segi perspektif sejarah, penulis menjelaskan perlunya pengetahuan dan kefahaman daripada golongan pelajar untuk mengetahui Sejarah Negara Kesultanan Brunei yang menjadi sumber kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan bermasyarakat dan bernegara khususnya dalam era selepas Perang Dunia Kedua. Para pelajar dinasihatkan supaya sentiasa bersyukur dan mengambil peluang yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah DYMM melalui penganugerahan biasiswa untuk menimpa ilmu pegetahuan sebagai persediaan bagi melaksanakan tugas dan tanggung-jawab kenegaraan dalam mencapai Wawasan Negara 2035. Oleh itu, apapun bidang atau kursus yang mereka ikuti, mereka hendak tidak terpesong atau tersasar dari amalan nilai-nilai keBruneian supaya ilmu yang diperoleh atau dimiliki nanti dapat diaplikasikan dengan berteraskan MIB. Kenyataannya, MIB adalah satu cara hidup yang telah menjadi mendarah dajing dalam kehidupan masyarakat Brunei. Oleh itu, siapa pun yang berpayung di bawah panji-panji pemerintahan baginda sultan adalah berkewajipan untuk mengamal dan menghayati MIB sebagai calak identiti dan jadi diri keBruneian. Maka bagi setiap warga Brunei yang menjadi waris bangsa Brunei tidak lepas daripada mengamalkan nilai-nilai Brunei apatah lagi bagi mereka bakal menerajui kepimpinan masyarakat Brunei.

Bagi mencapai ke arah sasaran tersebut, dasar Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus memberikan keutamaan dalam bidang pendidikan khususnya dari segi pelaburan tenaga manusia melalui penyediaan Skim-Skim Biasiswa dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan kepada pelajar-pelajar tempatan yang mahu melanjutkan pelajaran ke luar negara. Sebagaimana yang kita maklum bahawa dasar penghantaran pelajar-pelajar Brunei ke luar negara memang telah diamalkan sejak sebelum Perang Dunia Kedua bagi memenuhi keperluan negara dari masa ke semasa. Dari perspektif sejarah penghantaran pelajar Brunei ke luar negara sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua adalah bertujuan untuk melahirkan generasi Brunei yang berpendidikan dan berkemahiran dalam bidang pentadbiran dan pengurusan negara bagi persediaan mengambil alih tampuk pemerintahan setelah pencapaian kemerdekaan pada 1984. Manakala pada era sekarang ini penghantaran tersebut ialah sebagai memenuhi keperluan negara untuk mencapai Wawasan Negara 2035 bagi memastikan *survival* negara MIB.

Dasar penganugerahan Biasiswa Kerajaan dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan ini patut dihargai dan dimanfaatkan bukan sahaja untuk meningkatkan taraf kehidupan individu dan masyarakat bahkan juga demi kesejahteraan dan kemajuan negara ini. Sikap pemedulian dan perihatinan kerajaaan baginda kepada golongan pelajar yang mahu melanjutkan pelajaran ke luar negara insyaaAllah akan terus dilaksanakan melalui dasar penganugerah Skim Biasiswa kepada pelajar-pelajar dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan yang dilaksanakan pada dewasa ini. Semoga dengan adanya dasar ini Wawasan Negara 2035 akan tercapai. *Aamiin, Aamiin, Ya Rabbil Alaamiin.*

***'KEPENTINGAN pengamalan dan penghayatan nilai-nilai MIB memang menjadi agenda utama yang terkandung dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21. Selaras dengan semua titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai MIB, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi kursus dan taklimat khusus mengenai nilai-nilai keBruneian kepada golongan pelajar yang berangkat ke luar negara.'***

**Sumbangan : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**

# Hasil Program Outbound JENESYS2018 dalam Pertukaran Judo dikongsi sama

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Awang Haji Abdul Jalil selaku tetamu kehormat menyerahkan sijil kepada salah seorang wakil peserta JENESYS2018 yang terdiri dari pelajar Universiti Osaka Kyoiku dan Universiti Setsunan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Januari. - Rombongan belia Program Outbound JENESYS2018 dalam Pertukaran Judo mengakhiri kunjungan mereka di negara ini dengan Reporting Session yang diadakan pada Majlis Makan Perpisahan bertempat di Hotel Centrepoint, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat; Setiausaha Kedua Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam, Akasaka Hiroki; wakil dari Kementerian Pendidikan; Sekolah Sukan Brunei; Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNJF) dan juga keluarga-keluarga angkat peserta JENESYS2018.

Dalam ucapannya, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila berharap program pertukaran tersebut akan dapat memberikan kefahaman kepada peserta tentang kepentingan mempelajari nilai-nilai dan gaya hidup lintas budaya *(cross-cultural values)* yang dapat memanfaatkan kerjasama dan hubungan erat warga muda Brunei dan Jepun.

"Dengan berkongsi idea akan membantu membina ikatan yang lebih baik di antara kedua-dua negara dan saya sangat yakin pengalaman ini akan membantu membangun mereka sebagai pemimpin masa depan," jelas Datin Paduka.

Terdahulu majlis dimulakan dengan penyampaian dapatan para peserta program yang terdiri daripada 15 pelajar setelah berada di negara ini sejak 22 Januari, dengan pengisian program seperti kunjungan hormat kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dan BDNJF, di samping membuat persembahan kepada penuntut-penuntut dalam program pertukaran sekolah, serta menyertai *homestay* bersama keluarga angkat selama dua hari satu malam.

Melalui sesi pelaporan tersebut, para peserta mengongsikan beberapa perkara untuk pelan tindakan yang akan dijalankan oleh para peserta bagi menyokong BDNJF meningkatkan populariti sukan tersebut di negara ini dan untuk memberigakan aktiviti-aktiviti BDNJF kepada rakyat Jepun nanti.

Semasa pertukaran judo pula, salah satu yang menarik perhatian mereka ialah pemain judo wanita yang memakai hijab dan berstokin semasa mengadakan latihan dan kebanyakannya bermain judo sebagai sukan rekreasi dan seni bela diri.

Sementara itu, wakil dari Kedutaan Jepun, Akasaka Hiroki pula berharap, pengalaman yang didapati semasa menyertai program berkenaan akan dapat dikongsikan bersama rakan masing-masing dan seterusnya melaksanakan pelan tindakan yang telah diilhamkan melalui program pertukaran ini.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil penyertaan oleh tetamu kehormat kepada para peserta program dan diakhiri dengan bergambar ramai serta jamuan tengah hari.

# Warga KHEDN diberikan taklimat kesedaran bahaya penyalahgunaan dadah

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN)

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Januari. - Ke arah memberi kesedaran dalam kalangan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam akan bahaya penyalahgunaan dadah, satu taklimat mengenainya telah diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), di sini.

Taklimat mengenai bahaya melakukan penyalahgunaan dadah dan Taklimat Pencegahan Mengenai Dadah itu dihadiri oleh seramai lebih 50 pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Antara yang hadir semasa taklimat ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan KHEDN, Awang Mohamed Helmy bin Haji Jumat.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Eddy bin Haji Mohd. Zain.

Selain mendengarkan taklimat, mereka yang hadir juga berpeluang menyaksikan pameran barang-barang yang berkaitan dengan isu penyalahgunaan dadah.

Buat julung-julung kalinya diadakan oleh KHEDN dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Perdana Menteri, taklimat seumpama ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan dan memupuk lagi kesedaran dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN tentang bahaya terlibat dalam penyalahgunaan dadah yang boleh merosakkan akhlak dan juga negara.

Selain itu taklimat juga bertujuan untuk menyebarkan fakta dan maklumat mengenai dadah kepada semua peringkat masyarakat, mendidik mereka mengenai isu yang berhubung dengan penyalahgunaan dadah dan tindakan undang-undang yang boleh dikenakan kepada warga Perkhidmatan Awam yang terlibat dengan isu penyalahgunaan dadah, serta menjelaskan kepada pegawai dan kakitangan mengenai keperluan dan kepentingan dalam mengetahui pencegahan dadah.

Taklimat seumpamanya akan diadakan lagi pada bulan Oktober 2019.



ANTARA yang hadir semasa taklimat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah bagi warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



# Sukan

**INFO SUKAN**

KEJOHANAN Asian Development Tour (ADT) 2019 akan diadakan selama empat hari bermula 24 April 2019 bertempat di Empire Golf Club. Kejohanan Brunei ADT 2019 yang merupakan kali kedua itu akan menawarkan hadiah wang berjumlah USD75,000.

ePaper Pelita Brunei

# Pasukan Belia Masjid RPN Rataie juara Piala Zain



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyampaikan Piala Zain kepada pasukan Belia Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rataie di Daerah Temburong pada peringkat akhir Perlawanan Bola Sepak bagi Belia Masjid Senegara Merebut Piala Zain.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 28 Januari. - Pasukan Belia Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rataie di Daerah Temburong muncul juara pada peringkat akhir Perlawanan Bola Sepak bagi Belia Masjid Senegara Merebut Piala Zain dengan mengalahkan pasukan Belia Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong melalui sepakan penalti yang berkesudahan lapan gol berbalas tujuh yang berlangsung kelmarin.

Sementara itu, pasukan Belia Masjid Zainab, Kampung Lumut di Daerah Belait menyandang tempat ketiga.

Perlawanan Bola Sepak Piala Zain telah diadakan selama dua hari, iaitu pada 20 dan 27 Januari 2019 bertempat di Padang Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong.

Juga diadakan ialah Perlawanan Bola Sepak bagi Pegawai Masjid Berserta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid bagi Merebut Piala Pengarah Hal Ehwal Masjid Tahun 2019 yang dimenangi oleh pasukan Jabatan Hal Ehwal Masjid setelah mengalahkan pasukan Pegawai Masjid / AJK Takmir Masjid Kawasan Tutong I pada peringkat akhir, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pegawai Masjid / AJK Takmir Masjid Kawasan Tutong II.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian piala-piala dan hadiah-hadiah sagu hati ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Antara lain objektif perlawanan diadakan ialah untuk menarik minat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid untuk mengikuti pelbagai aktiviti riadah yang diadakan di masjid-masjid; meningkatkan diri agar sentiasa aktif melakukan sukan dalam melahirkan warga sihat dan membuka minda agar sentiasa bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang berkebajikan.

Sebelum itu, peserta belia masjid perlu mengikuti program-program keugamaan yang disusun atur oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan bermalam serta menyertai sembahyang berjemaah Fardu Maghrib, Isyak dan Subuh; mendengar Kuliah Maghrib dan Tazkirah Subuh dan Sesi Perbincangan.

Usaha ini diungkayahkan kerana generasi belia merupakan bakal menjadi pemimpin di masa akan datang dan juga tonggak maju mundurnya sesebuah negara.

Penganjuran dan pengisian program ini membekalkan para belia masjid dengan ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi serta menyalurkan berbagai kemahiran yang diperlukan, di samping memberikan panduan mengenai penjagaan kesihatan yang optimal, yang merupakan satu aset kehidupan yang tidak ternilai harganya dan harus dipelihara.

Program-program sedemikian diharap akan dapat mendekatkan para belia dengan masjid serta dapat menambah dan menghalusi pengetahuan mengenai perkara-perkara berhubung perbuatan dalam sembahyang dan pegangan aqidah. Ianya juga bertujuan mendedahkan belia masjid bahawa agama Islam sendiri mewajibkan untuk memelihara kesihatan dan melarang keras daripada mencuaikannya.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Pengarah-pengarah, Penolong-penolong Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEU.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



KEMENANGAN bagi pasukan Belia Masjid Rancangan Perumahan Negara Rataie dicapai melalui sepakan penalti dengan mendahului pasukan Belia Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

## MS ABDB tewaskan Setia Perdana 1 - 0



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) menentang pasukan Setia Perdana FC pada siri Perlawanan Liga Super Brunei DST 2018.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS,** Isnin, 28 Januari. - 17931 KPL Mohd. Baharin bin Hamidon muncul wira bagi pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) setelah menjaringkan gol tunggal menewaskan pasukan Setia Perdana FC pada siri Perlawanan Liga Super Brunei DST 2018 yang berlangsung pada 27 Januari 2019 di Padang Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Babak pertama perlawanan menyaksikan pasukan MS ABDB lebih banyak mengawal permainan namun gagal untuk membuat sebarang jaringan ke gawang pasukan Setia Perdana FC yang bijak mengatur pertahanan sepanjang separuh masa pertama perlawanan berlangsung.

Manakala pada separuh masa kedua pula menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun nasib lebih memihak kepada pasukan MS ABDB apabila 17931 KPL Mohd. Baharin berjaya menjaringkan gol untuk pasukan MS ABDB.

Keputusan tersebut kekal 1 - 0 hingga tamat perlawanan yang menyaksikan pasukan MS ABDB berjaya meraih tiga mata penuh pada perlawanan tersebut.

Sementara itu, pada perlawanan lain pasukan Wijaya FC tumpas di tangan pasukan Kota Ranger FC dengan keputusan berakhir 3 - 0 yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'PELIHARA PERPADUAN HIDUP BERMASYARAKAT'

دتربيتكن اوله جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجاٴن، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam